Pendidikan Alam Sekitar merupakan satu bidang kajian tentang interaksi manusia dengan alam sekitar serta cara manusia harus mengurus alam sekitar dengan penuh tanggungjawab demi kesejahteraan manusia (KPM, 2001). Dalam konteks yang lebih luas, Pendidikan Alam Sekitar adalah untuk semua ahli di dalam sesuatu komuniti (WWFM, 1986). Oleh yang demikian, Pendidikan Alam Sekitar bertujuan untuk menimbulkan kesedaran, sikap positif, membina kemahiran dan menggalakkan penglibatan setiap individu dalam isu-isu berkaitan alam sekitar.

## Latar Belakang Kajian

Menurut Engelson (1986), Pendidikan Alam Sekitar merupakan satu program pendidikan yang menekankan aktiviti berorientasikan tindakan dan melibatkan pelajar dalam penyelesaian masalah alam sekitar dan isu-isu yang berkaitan dengannya. Subjek ini meliputi sebahagian atau keseluruhan perkara dalam semua mata pelajaran di semua peringkat persekolahan namun Pendidikan Alam Sekitar tidak menghalang kurikulum sedia ada. Fokusnya adalah terhadap Pendidikan Alam Sekitar, menggunakan pendekatan pembelajaran yang pelbagai atau pembelajaran melalui pengalaman (*experiential learning*). termasuklah pendekatan holistik berhubung dengan aspek-aspek persekitaran semula jadi, sains dan teknologi, ekonomi, politik, kebudayaan, moral dan estetik (Engelson, 1986). Pengintegrasian semua ciri yang telah dinyatakan membentuk satu kerangka kurikulum piawai untuk program Pendidikan Alam Sekitar.

Bagi memastikan program Pendidikan Alam Sekitar berjaya mendidik masyarakat khususnya para pelajar mengenai kepentingan mengurus alam sekitar secara bijaksana dan memastikan fakta berkenaan dengannya adalah tepat, pendidikan perguruan haruslah diberi perhatian. Pendidikan perguruan merupakan komponen penting dalam program Pendidikan Alam Sekitar dan perkara ini telah menjadi satu daripada agenda yang dibincangkan dalam bengkel antarabangsa tentang Pendidikan Alam Sekitar di Belgrade pada tahun 1975 (Oulton, 1995). Menerusi perbincangan dalam bengkel tersebut, satu cadangan telah diusulkan iaitu Pendidikan Alam Sekitar seharusnya membentuk satu bahagian yang wajib dalam pendidikan perguruan sama ada sebelum mahupun semasa perkhidmatan. Wilke (1985 dipetik dalam Lee, 1996: 155) menegaskan bahawa "kunci kejayaan Pendidikan Alam Sekitar di dalam bilik darjah ialah guru. Jika guru tidak mempunyai pengetahuan, kemahiran dan komitmen dalam menerapkan Pendidikan Alam Sekitar dalam kurikulumnya maka sudah pasti hasilnya ialah para pelajar yang '*environmentally illiterate*' atau tidak celik persekitaran". Kajian Kelly (1977) menyatakan bahawa guru ialah agen penting dalam penyebaran dan inovasi pendidikan dan pendedahan aspek-aspek Pendidikan Alam Sekitar kepada para pelajar. Para pelajar inilah yang menjadi asas penting kepada pembentukan masyarakat yang prihatin terhadap alam sekitar.

Keperluan untuk mendidik guru-guru pelatih berkenaan Pendidikan Alam Sekitar kian mendesak bagi melengkapkan guru-guru pelatih untuk menjadi proaktif dalam mengajar Pendidikan Alam Sekitar di sekolah kelak (Oulton, 1995). Sehubungan itu, beberapa usaha telah dilaksanakan oleh Bahagian Pendidikan Guru (BPG) dan *World Wildlife Fund Malaysia* (WWFM) bagi mendidik pensyarah maktab perguruan dan guru-guru sekolah dengan menganjurkan mesyuarat dan bengkel latihan di beberapa buah sekolah dan maktab-maktab perguruan (Chew, 1997). Pada bulan Oktober 1995, BPG telah bersetuju menjadikan Pendidikan Alam Sekitar sebagai satu kursus yang merangkumi satu kredit atau 15 jam (Zainal Abidin, 1997).

di maktab-maktab perguruan Malaysia dalam Kursus Diploma Perguruan Malaysia (KDPM). Pendidikan Alam Sekitar dalam KDPM bertujuan membolehkan guru pelatih menyedari dan memahami isu-isu alam sekitar serta bertindak secara individu atau berkumpulan untuk memelihara dan memulihara alam sekitar.

Pendidikan Alam Sekitar yang ditawarkan di bawah komponen asas dinamik guru, wajib diikuti guru-guru pelatih dalam KDPM dengan tujuan mendedahkan unsur-unsur Pendidikan Alam Sekitar kepada semua guru pelatih. Walau bagaimanapun, Pendidikan Alam Sekitar tidak terhad dalam proses pengajaran dan pembelajaran di bilik kuliah sahaja. Oleh itu, fokus kajian adalah untuk mengenal pasti sama ada wujud atau tidak penyepaduan Pendidikan Alam Sekitar dalam kokurikulum. Pengenalpastian sama ada unsur Pendidikan Alam Sekitar itu dihayati guru-guru pelatih ataupun sebaliknya boleh dikesan menerusi perlakuan yang diterjemahkan terutamanya melalui aktiviti di luar bilik kuliah atau kokurikulum. Hal ini selaras dengan teori pembelajaran sosiokognitif Bandura (1986: 399-408) yang menyatakan bahawa "sumber pengetahuan yang amat berpengaruh adalah perlakuan sebenar".

### **Soalan dan Batasan Kajian**

Soalan yang menjadi fokus kajian ini ialah:

1. Apakah tahap pengetahuan Pendidikan Alam Sekitar dalam kalangan guru pelatih secara keseluruhan?
2. Adakah terdapat perbezaan tahap pengetahuan berkenaan Pendidikan Alam Sekitar dalam kalangan guru pelatih mengikut jantina?
3. Adakah terdapat perbezaan tahap pengetahuan berkenaan Pendidikan Alam Sekitar dalam kalangan guru pelatih mengikut kumpulan pengkhususan?
4. Adakah wujud usaha untuk menyepadukan Pendidikan Alam Sekitar sewaktu menjalani kokurikulum dalam kalangan guru pelatih?
5. Apakah bidang kokurikulum yang disepadukan secara giat dengan Pendidikan Alam Sekitar dalam kalangan guru pelatih?
6. Adakah terdapat perbezaan penglibatan dalam kalangan guru pelatih untuk menyepadukan Pendidikan Alam Sekitar dalam kokurikulum mengikut jantina?
7. Adakah terdapat perbezaan penglibatan dalam kalangan guru pelatih untuk menyepadukan Pendidikan Alam Sekitar dalam kokurikulum mengikut kumpulan pengkhususan?

Kajian ini hanya tertumpu kepada guru-guru pelatih semester lima di Maktab Perguruan Keningau, Sabah. Penyelidikan terbatas kepada segelintir pemboleh ubah sahaja. Kajian ini memfokuskan usaha penyepaduan Pendidikan Alam Sekitar dalam kokurikulum dalam kalangan guru pelatih sebagai faktor utama dan faktor

pengetahuan sebagai faktor kedua bagi kajian ini. Sehubungan itu, penggunaan instrumen ujian dalam kajian ini hanyalah untuk mengenal pasti tahap pengetahuan guru-guru pelatih. Oleh itu, pengkaji memutuskan kajian rintis bagi instrumen ujian tidak perlu dibuat. Bahan-bahan rujukan tentang Pendidikan Alam Sekitar dalam kokurikulum khususnya kelab/persatuan, badan beruniform dan sukan/permainan adalah sangat terhad. Begitu juga dengan kajian-kajian lepas tentang Pendidikan Alam Sekitar di maktab perguruan yang didapati amat sedikit berbanding kajian-kajian lepas tentang Pendidikan Alam Sekitar di peringkat sekolah. Sampel kajian yang tidak menunjukkan taburan setara dari aspek jantina dan kumpulan pengkhususan, memberi kesan kepada analisis inferens kajian. Hal ini terutamanya merujuk kepada N=19 sahaja bagi kumpulan pengkhususan Pengajian Melayu/Kemahiran Hidup (PM/KH) manakala bilangan sampel kajian bagi kumpulan-kumpulan pengkhususan yang lain adalah Pengajian Sains/Pengajian Seni (SN/PS) seramai 27 orang guru pelatih, Pengajian Sains/Pengajian Melayu (SN/PM) seramai 41 orang guru pelatih, Pengajian Matematik/Pengajian Kajian Tempatan (MT/KT) seramai 28 orang guru pelatih, Pengajian Matematik/Pengajian Melayu seramai (MT/PM) 29 orang guru pelatih dan Pengajian Inggeris/Pengajian Moral (PI/MO) seramai 30 orang guru pelatih.

### Tinjauan Literatur

Seperti yang ditegaskan oleh Tilbury (1995), pengajaran Pendidikan Alam Sekitar seharusnya melibatkan isu-isu alam sekitar agar dapat membantu pelajar-pelajar menguasai kemahiran dan pengetahuan yang dikehendaki ke arah melahirkan individu yang bertanggungjawab kepada alam sekitar. Menurut Tilbury (1995) lagi, pendidikan *tentang* alam sekitar boleh diinterpretasikan sebagai pendidikan yang berkaitan dengan minda, pendidikan *dalam* alam sekitar sebagai pendidikan yang berkaitan dengan perasaan, pendidikan *untuk* alam sekitar boleh dilihat sebagai pendidikan yang berkaitan dengan tangan. Dengan itu, matlamat Pendidikan Alam Sekitar memerlukan penyepaduan pendidikan *tentang*, *dalam* dan *untuk* alam sekitar bagi membentuk pendekatan tiga serampang dalam strategi pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Alam Sekitar (Tilbury, 1995: 8). Menurut Gough (1990), program Pendidikan Alam Sekitar yang telah dijalankan dalam kurikulum sekolah, pada mulanya diperkenalkan melalui kajian saintifik berkenaan alam sekitar dalam mata pelajaran ekologi. Seterusnya, Pendidikan Alam Sekitar diperkenalkan melalui mata pelajaran Geografi, Sains Sosial dan Pendidikan Luar Bilik Darjah dan kini Pendidikan Alam Sekitar boleh ditemui dalam mata pelajaran Bahasa, Muzik, Media, Sejarah dan bidang-bidang yang lain (Gough, 1990).

Menurut Archer (1990), kaedah yang paling sesuai untuk menyampaikan topik-topik Pendidikan Alam Sekitar ialah melalui pengalaman langsung di luar bilik darjah kerana melalui kaedah ini, guru-guru dan pelajar-pelajar yang menjadi

responden kajian diuji pengetahuan, kesedaran dan seterusnya sikap serta tingkah laku mereka terhadap alam sekitar. Archer (1990), menggunakan satu unit Pendidikan Alam Sekitar yang dinamakan 'Prairie Lifeline', iaitu pengalaman langsung melalui kajian lapangan yang menjadi satu komponen penting. Responden-responden menyelidiki dan mengkaji sebab-sebab spesies tumbuhan dan haiwan di Prairie berada dalam keadaan bahaya kepupusan (Archer, 1990). Hasil kajian Archer (1990) menunjukkan bahawa pengalaman langsung luar bilik darjah berkesan dalam meningkatkan pengetahuan, kesedaran dan sikap responden terhadap alam sekitar.

Kajian Roth dan Perez (1989) mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap pengetahuan dan sikap pelajar dengan isu-isu alam sekitar di antara pelajar sekolah tradisional dengan sekolah biasa di Republik Dominica. Deluca, Kiser dan Frazier (1978) menegaskan bahawa kumpulan pelajar lelaki mendapat skor yang lebih signifikan daripada kumpulan pelajar perempuan untuk ujian pengetahuan tentang isu-isu alam sekitar. Gerritson (1991) dalam artikelnya, 'Sikap Kanak-kanak Terhadap Persekitaran Semula jadi' menegaskan bahawa kumpulan pelajar lelaki mempunyai sikap yang positif terhadap alam sekitar berbanding kumpulan perempuan. Kajian Lau (1992) di Singapura ke atas pelajar-pelajar kolej menghasilkan keputusan yang rendah dalam bahagian pengetahuan mengenai isu-isu alam sekitar, iaitu seramai 90.6 peratus responden tidak memperoleh lebih daripada sembilan jawapan betul daripada 23 soalan yang dikemukakan. Dapatan kajian turut menunjukkan bahawa pelajar lelaki memperoleh skor pengetahuan mengenai isu alam sekitar yang lebih tinggi berbanding pelajar perempuan.

Kajian ketiga Dempsey *et al.* (1997) menggunakan Model Tindakan Bersepadu (Rost, 1996) untuk mengetahui pengaruh pengalaman langsung ke atas motivasi dan proses menjana tindakan alam sekitar dalam kalangan pelajar dan remaja. Kajian ini merupakan pelengkap kepada kajian penyelidikan yang menggunakan Model Tindakan Bersepadu (Rost, 1996) oleh Dempsey dan rakan-rakan, dengan menumpukan perhatian kepada faktor utama iaitu pengalaman langsung terhadap alam sekitar. Menurut Dempsey *et al.* (1997), kajian lapangan dalam mata pelajaran Biologi mempunyai perkaitan kuat dengan pengalaman langsung dalam alam sekitar kerana persekitaran semula jadi memainkan peranan penting dalam menerbitkan proses pembelajaran dan pembentukan perhubungan emosi dengan alam sekitar. Kajian Dempsey *et al.* (1997) mendapati bahawa kumpulan yang mempunyai pengalaman yang luas kerana menganggotai persatuan alam sekitar seperti 'Friends of the Earth' atau 'Green Team' mempunyai skor yang tinggi berbanding kumpulan yang mempunyai pengalaman sederhana dan terhad. Kajian Dempsey *et al.* (1997) ini menegaskan bahawa pendedahan yang luas terhadap persekitaran semula jadi mempunyai pengaruh positif ke atas motivasi dan pembentukan tindakan.

Selain daripada faktor jantina dan lokasi kediaman, faktor jurusan atau aliran persekolahan juga menjadi bahan kajian penyelidik-penyelidik lepas dalam mengenal pasti tahap pengetahuan berkenaan isu-isu alam sekitar. Hart (1978),

mengkaji tentang kefahaman berkaitan ekologi, aras maklumat alam sekitar dan sikap terhadap alam sekitar dalam kalangan pelajar bukan jurusan biologi di Saskatchewan, Kanada. Kajian Hart (1978), mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara pelajar dari jurusan biologi dengan bukan jurusan biologi mengenai tahap pengetahuan mereka mengenai maklumat alam sekitar. Kajian Hart (1978), juga mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan di antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan mengenai kefahaman mereka tentang konsep ekologi.

Bogden dan Rowsey (1976) mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara dua kumpulan guru pelatih Sains dengan kajian sosial dari segi sikap selepas mengambil bahagian dalam beberapa aktiviti semasa kajian luar dijalankan. Kajian Mosothwane (1991), mendapati bahawa tahap pengetahuan guru-guru pelatih di Botswana, Afrika tentang masalah alam sekitar adalah rendah dan kekurangan pengetahuan dalam kalangan guru pelatih pengkhususan pendidikan menjadi faktor ketidaksediaan bakal para guru mengajar Pendidikan Alam Sekitar di sekolah. Yang (1993), mendapati bahawa kekurangan pengetahuan yang dinyatakan oleh guru-guru pelatih di Taiwan dalam jurusan pendidikan sebagai ketidaksediaan mengajar Pendidikan Alam Sekitar. Mensah dan Whitney (1992) mendapati bahawa semakin tinggi tahap pendidikan seseorang, semakin tinggi tahap kesedaran dan keprihatinan terhadap alam sekitar. Mensah dan Whitney (1992) mencadangkan agar tahap pendidikan wanita Ghana ditingkatkan sebagai satu cara berkesan mengatasi masalah alam sekitar pada jangka masa panjang.

Oleh itu, usaha penyepaduan Pendidikan Alam Sekitar dalam kokurikulum untuk kajian ini memfokuskan aspek pembelajaran melalui pengalaman dan pengalaman langsung di luar bilik darjah dengan menjadikan pelaksanaan aktiviti-aktiviti seperti kajian lapangan, perkhemahan, lawatan, merentas desa, membina taman, membuat buku skrap dan gotong-royong sebagai bukti usaha penyepaduan Pendidikan Alam Sekitar yang dilaksanakan dalam kokurikulum. Oleh yang demikian, pelaksanaan kaedah yang berjaya dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Alam Sekitar yang menekankan aspek pembelajaran melalui pengalaman dan pengalaman langsung di luar bilik darjah amat digalakkan. Perkara ini dipersetujui oleh Lustica dan Dalawis (1993) yang menyatakan bahawa penekanan kepada pendekatan belajar melalui pengalaman dalam Pendidikan Alam Sekitar pada tahap pendidikan tertier, melibatkan kajian lapangan yang menghendaki para pelajar membentuk dan menggunakan kemahiran melalui pengalaman langsung terhadap alam semula jadi dengan menjalankan aktiviti-aktiviti secara praktikal dalam persekitaran yang berbeza.




## **Kerangka Teoretikal Kajian**

Kajian ini menganggap bahawa penyepaduan Pendidikan Alam Sekitar dalam kokurikulum sebagai langkah yang praktikal untuk meningkatkan pengetahuan, kesediaan dan kemahiran yang secara perlahan menjurus kepada amalan pengurusan alam sekitar yang lebih arif pada masa akan datang. Penyepaduan Pendidikan Alam Sekitar dalam kokurikulum difikirkan menjadi langkah penting dalam menyahut seruan keresahan dunia tentang masalah persekitaran untuk melahirkan generasi yang bijak mengurus alam sekitar yang lestari. Huraian kepada kerangka teoretikal dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu peringkat permulaan, peringkat pertengahan dan peringkat akhir (Rajah 1).

Peringkat permulaan adalah prasyarat bagi kajian ini yang merujuk kepada asas pelaksanaan penyepaduan Pendidikan Alam Sekitar dalam kokurikulum. Teori-teori pembelajaran yang diajar sepanjang kursus KDPM terutamanya teori pembelajaran melalui pemerhatian Bandura (1977) menjadi perantaraan kepada aspek-aspek Pendidikan Alam Sekitar seperti pembangunan dan kualiti alam sekitar, keseimbangan ekologi, pengurusan sumber semula jadi serta kawalan dan pemeliharaan alam sekitar, diajar kepada guru-guru pelatih. Pendidikan Alam Sekitar melalui aktiviti kokurikulum boleh dilaksanakan melalui tiga komponen iaitu unit beruniform, kelab/persatuan dan sukan/permainan. Periasamy (2001) menegaskan bahawa melalui ketiga-tiga komponen ini pelbagai kaedah dan strategi pengajaran boleh dilaksanakan. Dengan itu, komitmen daripada semua pihak dan unsur kreativiti guru terlibat boleh membantu meningkatkan amalan mesra alam dan penerapan unsur-unsur pendidikan *untuk* dan *dalam* alam sekitar. Diharapkan para guru dapat membina sikap positif dan membentuk tingkah laku mesra alam dalam kalangan para pelajar melalui kegiatan-kegiatan ini. Pendekatan dan strategi pengajaran dan pembelajaran yang digunakan dalam kokurikulum adalah selaras dengan teori-teori pembelajaran yang telah didedahkan.

Peringkat pertengahan menjelaskan prosedur yang digunakan dalam penyepaduan Pendidikan Alam Sekitar dalam kokurikulum. Prosedur merujuk kepada pendekatan dan strategi pengajaran dan pembelajaran yang digunakan dalam melaksanakan penyepaduan. Strategi pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Alam Sekitar dilaksanakan melalui tiga pendekatan iaitu pendekatan rohani dan moral, pendekatan penerapan dan pendekatan berpusatkan pelajar. Seperti yang disarankan dalam strategi pengajaran dan pembelajaran, kaedah pengajaran dan pembelajaran seharusnya terdiri daripada aktiviti yang berpusatkan pelajar, menyeronokkan dan menarik minat pelajar. Aktiviti-aktiviti yang disyorkan ialah kajian lapangan, kerja amali, kajian dan eksperimen, perbincangan, kerja berkumpulan, sumbangsaran, demonstrasi, projek, simulasi, lawatan, kempen alam sekitar, trekking, perkhemahan, seminar, merentas desa, pemerhatian dan lain-lain lagi.



**Rajah 1: Kerangka teoretikal kajian**


Peringkat akhir merujuk kepada peringkat melaksanakan penyepaduan Pendidikan Alam Sekitar dalam kokurikulum semasa guru-guru pelatih berada pada semester kelima. Pada peringkat ini tahap penguasaan pengetahuan guru-guru pelatih terhadap subjek ini akan dikenal pasti dengan mentadbir ujian berkenaan pengetahuan Pendidikan Alam Sekitar. Pengenalpastian usaha penyepaduan Pendidikan Alam Sekitar dalam kokurikulum juga dilaksanakan pada peringkat ini menerusi pentadbiran soal selidik temu bual.

## **Metodologi Kajian**

Kajian ini menggunakan pendekatan pelbagai cara, menerusi teknik triangulasi dan kaedah tinjauan yang menggunakan kombinasi data dari instrumen ujian, soal selidik dan temu bual. Teknik triangulasi digunakan dalam kajian ini bertujuan mendapatkan pelbagai bukti berkenaan isu yang hendak dikaji secara menyeluruh melalui data dari pelbagai instrumen.

Dalam konteks kajian ini, pengkaji menggunakan ujian dan soal selidik kepada 173 orang guru pelatih semester lima di Maktab Perguruan Keningau, Sabah dan temu bual separa berstruktur untuk 30 orang guru pelatih yang terpilih secara rawak berlapis. Ujian yang digunakan memfokuskan kepada pengumpulan data tentang tahap pengetahuan guru-guru pelatih berkenaan Pendidikan Alam Sekitar manakala soal selidik memberi maklumat tentang usaha penyepaduan Pendidikan Alam Sekitar dalam kokurikulum dalam kalangan guru pelatih. Sokongan data kualitatif daripada temu bual mengukuhkan dapatan kajian yang diperolehi melalui soal selidik. Semua sumber maklumat diulas dan dianalisis bersama supaya dapatan kajian tinjauan ini berasaskan penumpuan maklumat daripada pelbagai sumber, bukannya dari data ujian, soal selidik atau temu bual secara berasingan. Penggunaan tiga instrumen dalam kajian ini akan membenarkan pengkaji mendapat kepelbagaian dalam maklumat tentang isu yang sama, menggunakan kekuatan daripada setiap instrumen untuk mengatasi kekurangan salah satu daripadanya. Reka bentuk kajian dapat digambarkan pada Rajah 2.

Soal selidik telah dibina berdasarkan nasihat pakar Pendidikan Alam Sekitar selain mengadakan perbincangan dengan pensyarah penasihat kokurikulum yang mempunyai pengalaman melebihi lima tahun dalam memberikan bimbingan kokurikulum. Hasil perbincangan dalam merangka soal selidik, satu kajian rintis dengan 22 item telah diuji terhadap 30 orang guru pelatih semester enam. Analisis kebolehpercayaan Cronbach alfa bagi soal selidik berkenaan penyepaduan Pendidikan Alam Sekitar dalam kokurikulum ialah 0.8465. Pada asasnya, soal selidik ini mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi kerana menurut Kerlinger (1973) dan Anastasi (1982), pekali alfa yang terbaik berada pada paras 0.8 dan ke atas.




Rajah 2: Reka bentuk kajian

Pembinaan jadual temu bual separa berstruktur dalam kajian untuk mengenal pasti penyepaduan Pendidikan Alam Sekitar dalam kokurikulum dibina mengikut beberapa tahap. Oleh sebab temu bual ini bersifat separa berstruktur, maka tahap

pertama ialah pembinaan jadual temu bual, berdasarkan isu-isu yang telah dikenal pasti dalam soal selidik dengan menganalisis secara menyeluruh isu-isu yang terdapat dalam soal selidik berkenaan penyepaduan Pendidikan Alam Sekitar dalam kokurikulum. Komen dan masalah-masalah yang dikesan telah dikenal pasti dan diberi perhatian. Tahap kedua melibatkan pembentukan idea baru dan dimasukkan ke dalam jadual temu bual yang baru. Jadual temu bual separa berstruktur yang digunakan dalam kajian ini mengandungi lapan soalan berkenaan penyepaduan yang memerlukan guru pelatih yang ditemu bual mengutarakan kefahaman, keterampilan dan usaha-usaha mereka dalam menyepadukan Pendidikan Alam Sekitar dalam kokurikulum.

Data daripada ujian dan soal selidik dianalisis menggunakan tatacara analisis berstatistik menggunakan *SPSS for Windows version 10* manakala data yang diperoleh melalui temu bual separa berstruktur dianalisis menggunakan tekuik analisis kandungan setelah ditranskripsikan. Prosedur penganalisisan data bagi kajian ini telah diringkaskan seperti dalam Rajah 3 berikut.



**Rajah 3: Prosedur penganalisisan data**

## Dapatan Kajian

### Tahap Pengetahuan Pendidikan Alam Sekitar dalam Kalangan Guru Pelatih

Bagi mengenal pasti tahap pengetahuan berkenaan Pendidikan Alam Sekitar dalam kalangan guru pelatih secara keseluruhan, data telah dianalisis secara statistik deskriptif berdasarkan jumlah skor keseluruhan yang diperoleh oleh sampel kajian dalam ujian pengetahuan berkenaan isu-isu Pendidikan Alam Sekitar. Markah penuh bagi ujian ini ialah 30 dan markah kurang dari 15 dikategorikan sebagai lemah, markah 15 hingga 20 dikategorikan sebagai sederhana dan markah 20 hingga 30 dikategorikan sebagai cemerlang. Hasil analisis statistik deskriptif mendapati bahawa nilai min adalah 16.99, mod adalah 16.00, median adalah 17.00, nilai minimum adalah 7.00 dan nilai maksimum adalah 24.00. Taburan skor kekerapan berbanding markah tahap pengetahuan menunjukkan bahawa tahap pengetahuan berkenaan Pendidikan Alam Sekitar dalam kalangan guru pelatih adalah sederhana tinggi memandangkan kebanyakan guru pelatih mendapat skor melebihi min.

### Perbezaan Tahap Pengetahuan Pendidikan Alam Sekitar dalam Kalangan Guru Pelatih Mengikut Jantina

Bagi mengenal pasti kewujudan perbezaan dalam tahap pengetahuan berkenaan Pendidikan Alam Sekitar dalam kalangan guru pelatih mengikut jantina, analisis ujian-t telah dilaksanakan. Hasil analisis ujian-t yang dijalankan mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap pengetahuan berkenaan Pendidikan Alam Sekitar dalam kalangan guru pelatih mengikut jantina. Ujian-t mendapati bahawa  $p = 0.073$ ,  $p > 0.05$ .

**Jadual 1: Hajil ujian-t bagi tahap pengetahuan mengikut jantina**

| Jantina   | N   | Min   | Sisihan<br>Piawai | t    | Df     | p     |
|-----------|-----|-------|-------------------|------|--------|-------|
| Lelaki    | 60  | 17.6  | 3.26              | 1.80 | 171.00 | 0.073 |
| Perempuan | 113 | 16.67 | 3.20              |      |        |       |

### Perbezaan Tahap Pengetahuan Pendidikan Alam Sekitar dalam Kalangan Guru Pelatih Mengikut Kumpulan Pengkhususan

Kumpulan pengkhususan yang dikenal pasti adalah kumpulan Pengajian Sains/Pengajian Seni (SN/PS), Pengajian Sains/Pengajian Melayu (SN/PM), Pengajian Matematik/Pengajian Kajian Tempatan (MT/KT), Pengajian Matematik/Pengajian Melayu seramai (MT/PM), Pengajian Inggeris/Pengajian Moral (PI/MO) dan


Pengajian Melayu/Pengajian Kemahiran Hidup (PM/KH). Bagi mengenal pasti kewujudan perbezaan yang signifikan dalam tahap pengetahuan berkenaan Pendidikan Alam Sekitar dalam kalangan guru pelatih mengikut kumpulan pengkhususan, analisis ANOVA sehala telah dilaksanakan. Keputusan ANOVA sehala menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan ( $p = 0.127$ ,  $p > 0.05$ ) terhadap tahap pengetahuan berkenaan Pendidikan Alam Sekitar dalam kalangan guru pelatih mengikut kumpulan pengkhususan (rujuk Jadual 2).

**Jadual 2: ANOVA sehala bagi tahap pengetahuan mengikut kumpulan pengkhususan**

| Punca           | Jumlah kuasa dua <sup>a</sup> | Darjah kebebasan | Min kuasa dua | F     | p     |
|-----------------|-------------------------------|------------------|---------------|-------|-------|
| Antara kumpulan | 89.628                        | 5                | 17.926        | 1.743 | 0.127 |
| Dalam kumpulan  | 1717.367                      | 167              | 10.284        |       |       |
| Jumlah          | 1806.994                      | 172              |               |       |       |

### Usaha Penyepaduan Pendidikan Alam Sekitar Sewaktu Menjalani Kokurikulum

Bagi mengenal pasti kewujudan usaha menyepadukan Pendidikan Alam Sekitar sewaktu menjalani kokurikulum dalam kalangan guru pelatih, data telah dianalisis secara statistik deskriptif. Analisis adalah berdasarkan jumlah skor keseluruhan yang diperolehi dari sampel kajian dalam soal selidik berkenaan penyepaduan Pendidikan Alam Sekitar dalam kokurikulum. Hasil daripada analisis deskriptif, jumlah min adalah 83.48, median sebanyak 85.00, mod adalah 89.00, nilai minimum adalah 38.00, nilai maksimum adalah 107.00 dan nilai penengah adalah 66.00. Dapatan kajian ini membuktikan bahawa semakin tinggi skor, maka bertambah giat usaha penyepaduan. Dapatan dari soal selidik yang telah dianalisis jelas digambarkan melalui graf seperti dalam Rajah 4 berikut:



**Rajah 4: Usaha penyepaduan Pendidikan Alam Sekitar**

Berdasarkan Rajah 4, didapati bahawa wujud usaha penyepaduan Pendidikan Alam Sekitar dalam kalangan guru pelatih sewaktu menjalani kokurikulum. Daripada graf juga boleh dijelaskan bahawa taburan adalah pencong kanan yang menunjukkan kebanyakan guru pelatih mendapat skor yang tinggi dalam soal selidik. Sekali gus, taburan ini menggambarkan bahawa kebanyakan guru pelatih telah melaksanakan usaha penyepaduan dengan giat.

Sehubungan dengan itu, dapatan data kuantitatif telah diperkukuhkan dengan data dari temu bual yang telah dianalisis transkripsinya. Jawapan yang diberikan oleh guru-guru pelatih telah dikategorikan mengikut tema: (a) usaha penyepaduan yang dilaksanakan secara langsung dan (b) usaha penyepaduan yang dilaksanakan secara tidak langsung. Di sini, usaha penyepaduan yang dilaksanakan secara langsung merujuk kepada aktiviti yang dijalankan sewaktu melaksanakan kokurikulum seperti perkhemahan dalam badan beruniform, lawatan dalam persatuan, gotong-royong dalam badan beruniform serta persatuan dan seumpamanya. Sementara itu, usaha penyepaduan yang dilaksanakan secara tidak langsung merujuk kepada kesedaran yang wujud dalam diri seseorang individu ketika menjalani sesuatu aktiviti contohnya sewaktu ingin mendirikan khemah dalam aktiviti perkhemahan. Ketika berkhemah, peserta digalakkan untuk menggunakan ranting kayu dan kayu-kayu tumbang selain ditegah daripada menebang pokok-pokok kerana penebangan pokok akan mengakibatkan kerosakan alam semula jadi. Kesedaran yang timbul merupakan penyepaduan yang berlaku secara tidak langsung. Berdasarkan petikan temu bual yang telah dianalisis transkripsinya mengikut tema (a) usaha penyepaduan yang dilaksanakan secara langsung dan (b) usaha penyepaduan yang dilaksanakan secara tidak langsung, jelas menunjukkan bahawa sememangnya wujud usaha penyepaduan Pendidikan Alam Sekitar dalam kalangan guru pelatih sewaktu melaksanakan kokurikulum. Rajah 5 dibentuk untuk memberi gambaran menyeluruh tentang usaha penyepaduan dalam kokurikulum dalam kalangan guru pelatih dalam kajian ini.

### **Penyepaduan Bidang Kokurikulum dengan Pendidikan Alam Sekitar**

Bidang kokurikulum yang dikenal pasti untuk dikaji ialah kelab/persatuan, badan beruniform dan sukan/permainan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa badan beruniform mempunyai jumlah min yang tertinggi berbanding kelab/persatuan dan sukan/permainan (rujuk Jadual 3). Jadual 3 tersebut membuktikan bahawa min penyepaduan Pendidikan Alam Sekitar bagi badan beruniform adalah 19.79 merupakan min yang tertinggi berbanding kelab/persatuan iaitu 18.76 dan sukan/permainan iaitu 16.10. Sementara itu, nilai mod dan median bagi badan beruniform adalah 20.00, kelab/persatuan adalah 20.00 dan sukan/permainan adalah 16.10. Nilai penengah bagi ketiga-tiga bidang kokurikulum adalah 15.00.





**Rajah 5: Usaha penyepaduan dalam kokurikulum**


**Jadual 3: Jumlah min penyepaduan Pendidikan Alam Sekitar untuk tiga bidang kokurikulum**

| Bidang kokurikulum | Min   | Mod   | Median | Nilai Minimum | Nilai Maksimum | Nilai Penengah |
|--------------------|-------|-------|--------|---------------|----------------|----------------|
| Kelab/Persatuan    | 18.76 | 20.00 | 20.00  | 5.00          | 25.00          | 15.00          |
| Badan/Beruniform   | 19.79 | 20.00 | 20.00  | 5.00          | 25.00          | 15.00          |
| Sukan/Permainan    | 16.10 | 15.00 | 15.00  | 5.00          | 25.00          | 15.00          |

Dapatan ini membuktikan bahawa antara ketiga-tiga bidang kokurikulum, badan beruniform merupakan bidang yang paling banyak melaksanakan usaha penyepaduan Pendidikan Alam Sekitar manakala sukan/permainan adalah bidang yang kurang menjalankan usaha penyepaduan Pendidikan Alam Sekitar.

Sehubungan dengan itu, dapatan data kuantitatif telah diperkukuhkan lagi dengan data dari temu bual yang telah dianalisis transkripsinya dengan memberi fokus kepada persoalan tentang apakah bidang kokurikulum yang disepadukan secara giat dengan Pendidikan Alam Sekitar oleh guru-guru pelatih? Jawapan yang diberikan oleh guru-guru pelatih telah dikategorikan berdasarkan tema yang merujuk kepada (a) bidang yang paling aktif (b) bidang yang aktif dan (c) bidang yang kurang aktif menyepadukan Pendidikan Alam Sekitar. Daripada sejumlah 30 orang guru pelatih yang ditemu bual, hampir dua per tiga daripadanya (18 orang)

menyokong peranan badan beruniform sebagai bidang yang paling aktif dalam menyepadukan Pendidikan Alam Sekitar sewaktu melaksanakan kokurikulum. Bidang kokurikulum yang menyepadukan Pendidikan Alam Sekitar digambarkan melalui Rajah 6 berikut.



**Rajah 6: Bidang kokurikulum yang menyepadukan Pendidikan Alam Sekitar**

**Perbezaan Penglibatan Guru Pelatih dalam Penyepaduan Pendidikan Alam Sekitar dengan Kokurikulum Mengikut Jantina**

Bagi mengenal pasti kewujudan perbezaan penglibatan dalam kalangan guru pelatih menyepadukan Pendidikan Alam Sekitar dalam kokurikulum mengikut jantina, analisis ujian-t telah dilaksanakan. Hasil analisis ujian-t yang dilakukan mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan (bahawa  $p = 0.190$ ,  $p > 0.05$ ) untuk menyepadukan Pendidikan Alam Sekitar dengan kokurikulum mengikut jantina. Keputusan yang lebih terperinci dapat dirujuk melalui Jadual 4.

**Jadual 4: Hasil ujian-t bagi penyepaduan mengikut jantina**

| Jantina   | N   | Min   | Sisihan<br>Piawai | t     | df     | p     |
|-----------|-----|-------|-------------------|-------|--------|-------|
| Lelaki    | 60  | 81.90 | 10.75             | -1.32 | 171.00 | 0.190 |
| Perempuan | 113 | 84.32 | 11.88             |       |        |       |

**Perbezaan Penglibatan Guru Pelatih dalam Penyepaduan Pendidikan Alam Sekitar dalam Kokurikulum Mengikut Kumpulan Pengkhususan**

Kumpulan pengkhususan yang dikenal pasti adalah kumpulan Pengajian Sains/ Pengajian Seni (SN/PS), Pengajian Sains/Pengajian Melayu (SN/PM), Pengajian Matematik/Pengajian Kajian Tempatan (MT/KT), Pengajian Matematik/Pengajian Melayu (MT/PM), Pengajian Inggeris/Pengajian Moral (PI/MO) dan Pengajian Melayu/Pengajian Kemahiran Hidup (PM/KH).

Bagi mengenal pasti kewujudan perbezaan penglibatan dalam kalangan guru pelatih untuk menyepadukan Pendidikan Alam Sekitar dalam kokurikulum mengikut kumpulan pengkhususan, analisis ANOVA sehalu telah dilaksanakan. Keputusan ANOVA sehalu menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam menyepadukan Pendidikan Alam Sekitar dengan kokurikulum mengikut kumpulan pengkhususan (rujuk Jadual 5). Berdasarkan hasil keputusan ANOVA sehalu didapati bahawa  $p = 0.010$ ,  $p < 0.05$ .

**Jadual 5: Analisis ANOVA sehalu bagi penyepaduan mengikut kumpulan pengkhususan**

| Punca           | Jumlah kuasa dua | Darjah kebebasan | Min kuasa dua | F     | p     |
|-----------------|------------------|------------------|---------------|-------|-------|
| Antara kumpulan | 1970.020         | 5                | 394.004       | 3.150 | 0.010 |
| Dalam kumpulan  | 20891.159        | 167              | 125.097       |       |       |
| Jumlah          | 22861.179        | 172              | 125.097       |       |       |

Untuk mendapatkan keputusan yang lebih terperinci bagi mengenal pasti kumpulan yang berbeza secara signifikan dalam melaksanakan penyepaduan Pendidikan Alam Sekitar dalam kokurikulum, ujian julat berganda Duncan dilaksanakan (rujuk Jadual 6). Hasil ujian berkenaan menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam menyepadukan Pendidikan Alam Sekitar dalam kokurikulum antara kumpulan pengkhususan yakni SN/PM dengan MT/PM, SN/PM dengan PI/MO, SN/PM dengan PM/KH, SN/PM dengan SN/PS dan MT/KT dengan SN/PS.

**Jadual 6: Hasil ujian julat berganda Duncan bagi penyepaduan mengikut kumpulan pengkhususan**

| Pengkhususan | N  | Subset  |         |         |
|--------------|----|---------|---------|---------|
|              |    | 1       | 2       | 3       |
| SN/PM        | 41 | 78.634  |         |         |
| MT/KT        | 28 | 80.9643 | 80.9643 |         |
| MT/PM        | 29 |         | 85.0000 | 85.0000 |
| PI/MO        | 30 |         | 85.3333 | 85.3333 |
| PM/KH        | 19 |         | 86.4211 | 86.4211 |
| SN/PS        | 26 |         |         | 87.8462 |
| Sig.         |    | 0.441   | 0.100   | 0.398   |

## Perbincangan

Dengan mengambil kira pelbagai dapatan yang diperoleh dari kajian ini, beberapa implikasi terhadap amalan pendidikan di Malaysia perlu dipertimbangkan. Pendidikan Alam Sekitar yang ditawarkan di bawah komponen asas dinamik guru wajib diikuti oleh guru-guru pelatih dalam KDPM bertujuan untuk mendedahkan unsur-unsur Pendidikan Alam Sekitar kepada mereka. Walau bagaimanapun, subjek ini tidak terhad dalam proses pengajaran dan pembelajaran di bilik kuliah sahaja sebaliknya perlu dilihat sebagai suatu bidang pendidikan yang merentas kurikulum dan kokurikulum.

Menerusi penyepaduan Pendidikan Alam Sekitar dalam sistem pendidikan kebangsaan, secara langsungnya langkah ini dilihat berupaya menjadikan Pendidikan Alam Sekitar sebagai suatu bidang pendidikan yang merentas kurikulum dan kokurikulum. Terdapat kelebihan dan kelemahan dalam usaha merentas Pendidikan Alam Sekitar dalam kurikulum dan kokurikulum. Merujuk kepada tinjauan literatur, didapati bahawa penyepaduan Pendidikan Alam Sekitar merupakan satu penyelesaian terhadap pertambahan dalam ilmu pengetahuan dan teknologi. Subjek ini tidak boleh dijadikan sebagai satu mata pelajaran yang berasingan kerana kewujudan mata pelajaran baru hanya akan memadatkan kurikulum yang telah pun begitu padat.

Penyepaduan Pendidikan Alam Sekitar sepatutnya dilihat sebagai suatu strategi paling ideal bagi mengelakkan pertambahan mata pelajaran dalam sistem persekolahan kerana elemen-elemen Pendidikan Alam Sekitar boleh ditemui dalam semua mata pelajaran di peringkat rendah dan menengah. Penyepaduan elemen-elemen Pendidikan Alam Sekitar dalam mata pelajaran persekolahan meliputi mata pelajaran Sains, Bahasa, Kajian Sosial, Matematik, Pendidikan Jasmani, Seni, Kemahiran Hidup, Pendidikan Islam, Pendidikan Moral dan termasuk juga aktiviti kokurikulum (Habibah, 1997). Penyepaduan Pendidikan Alam Sekitar secara formal dalam sistem pendidikan kebangsaan bermaksud pendidikan 'dalam sekolah' (*'in school' education*) yang merangkumi kedua-dua aktiviti kurikulum dan aktiviti kokurikulum (Habibah, 1997). Pendidikan formal untuk subjek ini dianggap penting dalam menyokong usaha-usaha bagi mengatasi masalah persekitaran dan isu-isu yang berkaitan untuk mempercepat peranan pendidikan bagi pembangunan lestari yang berjaya (KPM, 1996a).

Ternyata bahawa penyepaduan Pendidikan Alam Sekitar dalam kokurikulum memberi implikasi yang berkesan terhadap pendekatan jangka panjang bagi membentuk masyarakat yang peka atau prihatin dan mempunyai sikap tanggungjawab terhadap alam sekitar. Tugas ini memerlukan para pelajar daripada semua peringkat terdedah dengan Pendidikan Alam Sekitar. Program pendidikan yang merangkumi kedua-dua aktiviti kurikulum dan aktiviti kokurikulum dalam menyepadukan Pendidikan Alam Sekitar akan membolehkan kanak-kanak dan remaja menghayati sikap positif dan menguasai kemahiran agar mereka dapat memainkan peranan yang aktif untuk memelihara dan memulihara alam sekitar.

Penyepaduan Pendidikan Alam Sekitar dalam kokurikulum sewajarnya dipergiatkan bagi mengimbangi proses penyepaduan subjek ini yang sememangnya telah berlaku dalam kurikulum. Dalam konteks kajian ini, usaha menyepadukan Pendidikan Alam Sekitar dalam kokurikulum merupakan manifestasi terhadap segala yang telah dipelajari mengenai subjek ini di dalam bilik kuliah. Kewujudan usaha penyepaduan Pendidikan Alam Sekitar dalam kokurikulum dalam kalangan guru pelatih memberi penjelasan terhadap Kempen Penghijauan Maktab 2003 yang menegaskan bahawa Pendidikan Alam Sekitar tidak terhad hanya dalam proses pengajaran dan pembelajaran di bilik kuliah, sebaliknya harus diterapkan ke dalam bidang kokurikulum. Perkara ini adalah selaras dengan polisi yang telah ditetapkan oleh Kerajaan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh (Rancangan Malaysia Ketujuh, 1996-2000) dan Rancangan Malaysia Kelapan (Rancangan Malaysia Kelapan, 2001-2005), yang dengan jelas menyatakan bahawa kursus Pendidikan Alam Sekitar dan aktiviti kokurikulum berasaskan alam sekitar di bawah Kementerian Pendidikan akan diperkukuhkan.

Kelebihan penyepaduan Pendidikan Alam Sekitar dalam kurikulum dan kokurikulum telah diperakui namun terdapat masalah lain yang timbul. Antaranya ialah mengenal pasti cara yang sesuai bagi memastikan usaha penyepaduan ini menjamin hasil pembelajaran yang positif kepada para pelajar. Persoalan yang timbul ialah, adakah dengan menyepadukan Pendidikan Alam Sekitar dalam kurikulum dan kokurikulum dapat menghasilkan para pelajar yang menghayati sikap positif dan menguasai kemahiran, agar mereka dapat memainkan peranan yang aktif dalam menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan isu-isu persekitaran secara praktikal? Antara jawapan yang dapat menjawab persoalan sedemikian adalah dengan membuat persediaan kognitif dan melaksanakan tindakan yang sesuai, selaras dengan konsep-konsep asas pembelajaran dan kemahiran-kemahiran yang diperlukan untuk melaksanakan tindakan.

Memberi input tentang pengetahuan Pendidikan Alam Sekitar sewaktu kuliah dengan sendirinya telah menyediakan domain kognitif guru-guru pelatih dengan konsep dan fakta berkenaan isu-isu alam sekitar, yang secara langsung mewujudkan motivasi dalam diri guru-guru pelatih untuk melaksanakan tindakan yang sesuai. Seterusnya, guru-guru pelatih yang telah dimotivasikan melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Alam Sekitar sewaktu kuliah bertanggungjawab untuk melakukan tindakan dengan menyepadukan Pendidikan Alam Sekitar dalam kokurikulum. Usaha menyepadukan Pendidikan Alam Sekitar yang dilaksanakan oleh guru-guru pelatih sewaktu menjalani aktiviti kokurikulum merupakan pengukuran terhadap tindakan yang harus diaplikasikan berdasarkan pengetahuan dan kemahiran yang telah dipelajari tentang Pendidikan Alam Sekitar.

Tindakan ini dapat dilihat menerusi peningkatan kesedaran terhadap isu-isu dan masalah alam sekitar yang mendorong penglibatan aktif dan penyelesaian masalah secara praktikal dalam kalangan guru pelatih. Bagi mencapai matlamat Pendidikan Alam Sekitar, tindakan ini perlu kerana boleh menjana pendapat individu

dan kumpulan tertentu yang boleh mengubah keadaan persekitaran. Langkah ini harus diaplikasikan dalam kehidupan seharian oleh guru-guru pelatih dan dijadikan sebahagian daripada proses pembelajaran yang penting.

Pembelajaran akan menjadi lebih berkesan dan bermakna sekiranya guru-guru pelatih mendapat pengalaman menerusi penglibatan diri secara langsung (*first-hand experience*) dengan alam sekitar. Sesungguhnya, melalui pembelajaran di luar bilik darjah sewaktu melaksanakan aktiviti kokurikulum, khususnya yang berkaitan dengan persekitaran dan alam semula jadi, guru-guru pelatih akan sedar tentang keadaan sebenar dan masalahnya. Oleh itu, guru-guru pelatih akan menjadi proaktif dalam usaha memelihara dan memulihara alam sekitar. Perkara ini adalah selaras dengan kenyataan oleh McRae (1990) berkenaan Pendidikan luar bilik darjah (*outdoor education*) dalam Pendidikan Alam Sekitar yang melibatkan pengajaran dan pembelajaran tentang keperluan untuk memperbaiki persekitaran semula jadi dan keperluan untuk memeliharanya dan tentang persekitaran terbina (*constructed environment*).

Keperluan mendidik guru-guru pelatih berkenaan Pendidikan Alam Sekitar kian mendesak bagi melengkapkan guru-guru pelatih untuk menjadi proaktif dalam mengajar Pendidikan Alam Sekitar di sekolah kelak (Oulton, 1995). Berdasarkan saranan oleh Oulton (1995), guru-guru pelatih sewajarnya diberi pendedahan dan latihan yang mantap bukan sahaja dalam memahami konsep dan fakta tentang isu-isu alam sekitar malah fokus juga harus diberikan kepada kaedah dan strategi dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Alam Sekitar. Peluang yang wujud dalam bidang kokurikulum bagi mempelbagaikan strategi pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Alam Sekitar merupakan salah satu pendekatan untuk mempromosi Pendidikan Alam Sekitar dalam arena pendidikan semasa. Aktiviti pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar yang menarik dan menyeronokkan seperti kerja lapangan, perkhemahan, merentas desa, kerja amali, kajian dan eksperimen, perbincangan, sumbang saran, demonstrasi, pemerhatian, bercerita, projek, permainan dan simulasi, lawatan, kempen alam sekitar, trekking dan sebagainya adalah disyorkan sewaktu menjalankan aktiviti kokurikulum.

Sekiranya kerja lapangan, perkhemahan, kerja kumpulan, lawatan dan aktiviti-aktiviti berpusatkan pelajar hendak dilaksanakan dalam penyepaduan Pendidikan Alam Sekitar dalam kegiatan kokurikulum, guru-guru pelatih perlu dilatih untuk menguasai kemahiran menjalankan aktiviti tersebut bagi memperoleh kemahiran bekerjasama dengan individu lain. Dalam latihan sedemikian, guru-guru pelatih perlu digalakkan untuk memperoleh tabiat menghormati, bertoleransi dan memahami perbezaan yang wujud. Di samping itu, persiapan yang rapi harus diberi perhatian sekiranya aktiviti kerja lapangan ingin dilaksanakan kerana kajian Falk dan Balling (1982) membuktikan bahawa persiapan sebelum kajian lapangan mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap kemampuan para pelajar.

Kelas-kelas persediaan menjadikan sikap terhadap kajian lapangan lebih positif. Dalam konteks yang sama, sekiranya aktiviti lawatan ingin dijalankan,

beberapa perkara penting harus dititikberatkan seperti bentuk lawatan yang ingin dilaksanakan. Lawatan berstruktur adalah digalakkan berbanding lawatan kurang berstruktur kerana guru-guru pelatih belajar dalam lawatan yang berstruktur. Penglibatan guru-guru pelatih dalam penyepaduan Pendidikan Alam Sekitar sewaktu menjalani kokurikulum sewajarnya aktif bagi setiap kumpulan pengkhususan dan jantina. Walau bagaimanapun, dalam kajian ini didapati penglibatan guru-guru pelatih mempunyai perbezaan yang signifikan mengikut kumpulan pengkhususan tetapi tidak berbeza secara signifikan mengikut jantina. Hal ini terjadi mungkin disebabkan oleh beberapa faktor seperti 'bentuk' aktiviti penyepaduan yang dilaksanakan sama ada berstruktur dan berpusatkan pelajar, bahan pengajaran yang digunakan dalam aktiviti penyepaduan dan jenis tugas yang dilaksanakan sewaktu menjalankan aktiviti penyepaduan. Persediaan kognitif yang merangkumi pembelajaran konsep-konsep asas dan kemahiran-kemahiran yang diperlukan untuk melengkapkan tugas dalam aktiviti yang berdasarkan 'aktiviti secara langsung' (*hands-on activities*) juga merupakan faktor yang menentukan kejayaan sesuatu aktiviti penyepaduan. Perkara-perkara yang dinyatakan harus diambil kira sekiranya aktiviti penyepaduan Pendidikan Alam Sekitar dapat dilaksanakan secara berkesan sewaktu menjalankan aktiviti kokurikulum.

Namun, dalam kajian ini didapati kegiatan sukan/permainan masih belum dapat disepadukan dengan Pendidikan Alam Sekitar secara berkesan. Bagaimanapun, peluang masih wujud kerana secara asasnya kebanyakan acara sukan/permainan dilakukan dalam persekitaran di luar bilik kuliah. Kekurangan usaha penyepaduan Pendidikan Alam Sekitar dalam aktiviti sukan/permainan harus diberi perhatian kerana jika guru tidak mengambil peluang menyepadukan Pendidikan Alam Sekitar dalam sukan/permainan, maka sudah pasti para atlet yang dilahirkan tidak celik persekitaran atau '*environmentally illiterate*'. Dapatan membuktikan bahawa antara ketiga-tiga bidang kokurikulum, badan beruniform merupakan bidang yang paling banyak melaksanakan usaha penyepaduan Pendidikan Alam Sekitar manakala sukan/permainan adalah bidang yang kurang melaksanakan usaha penyepaduan Pendidikan Alam Sekitar. Temu bual membuktikan badan beruniform merupakan bidang yang paling aktif menjalankan aktiviti menyepadukan Pendidikan Alam Sekitar manakala kurang daripada separuh guru-guru pelatih yang ditemu bual menyatakan bahawa kelab/persatuan merupakan bidang yang paling aktif menjalankan aktiviti penyepaduan Pendidikan Alam Sekitar. Walau bagaimanapun, lebih daripada separuh guru-guru pelatih yang ditemu bual mempersetujui bahawa adalah sukar untuk menyepadukan Pendidikan Alam Sekitar dalam aktiviti sukan/permainan.

Fenomena ini terjadi mungkin disebabkan oleh faktor 'sifat' yang ada pada sukan/permainan. Umumnya, pelaksanaan sukan/permainan memfokuskan kemahiran, teknik dan taktik yang berkaitan dengan jenis aktiviti yang dijalankan. Ruang dan peluang yang diperuntukkan terhadap penyepaduan Pendidikan Alam Sekitar adalah amat terhad memandangkan keutamaan diberikan kepada penguasaan kemahiran, teknik dan taktik yang berkaitan dengan jenis aktiviti yang dijalankan.

Daripada sukatan pelajaran untuk kokurikulum sukan/permainan, terbukti bahawa penekanan diberikan kepada penguasaan kemahiran acara sukan/permainan selaras dengan tahap pencapaian guru-guru pelatih dalam setiap acara.

Badan beruniform pula menawarkan ruang dan peluang untuk Pendidikan Alam Sekitar disepadukan sewaktu melaksanakan aktivitinya. Setiap jenis badan beruniform yang terdiri dari Pengakap, Kadet Pandu Puteri, Pasukan Puteri Islam, Persatuan Bulan Sabit Merah dan St. John Ambulans menekankan kepentingan aktiviti perkhemahan kerana wujudnya slot aktiviti perkhemahan sebagai aktiviti yang wajib dilaksanakan. Hal yang sedemikian tidak terjadi dalam bidang sukan/permainan. Menerusi peluang yang wujud dalam aktiviti perkhemahan ini, penyepaduan Pendidikan Alam Sekitar dalam badan beruniform dapat dilaksanakan.

Bagi persatuan pula, penyepaduan Pendidikan Alam Sekitar didapati sederhana kerana terdapat jenis persatuan seperti Persatuan Kajian Tempatan dan Persatuan Sains yang aktif menjalankan aktiviti penyepaduan manakala Persatuan Bahasa Melayu pula kurang aktif menjalankan aktiviti penyepaduan. Menerusi Persatuan Kajian Tempatan, aktiviti seperti lawatan, projek membersihkan dan menyediakan taman sering dilaksanakan. Menerusi Persatuan Sains pula aktiviti seperti gotong-royong membersihkan kawasan sekeliling dan aktiviti guna semula bahan terbuang telah berjaya melibatkan guru-guru pelatih dalam aktiviti penyepaduan. Namun, terdapat juga persatuan yang kurang aktif melaksanakan penyepaduan Pendidikan Alam Sekitar seperti Persatuan Bahasa Melayu yang hanya merancang untuk membuat aktiviti gotong-royong tetapi tidak melaksanakannya. Perkara demikian menjelaskan dapatan kajian ini yang membuktikan bahawa kurang daripada separuh guru-guru pelatih yang ditemu bual (japan orang) menyatakan bahawa kelab/persatuan merupakan bidang yang paling aktif menjalankan aktiviti penyepaduan Pendidikan Alam Sekitar.

## **Penutup**

Berdasarkan graf dan jadual taburan kekerapan ujian bangkit tubi yang dianalisis, 7.4 peratus ( $f=2$ ) berada pada tahap *excellent*, 33.3 peratus ( $f=9$ ) adalah *good*, 25.9 peratus adalah *average* dan *poor* ( $f=7$ ) yang setiap satu mempunyai nilai kekerapan yang sama dan 7.4 peratus ( $f=2$ ) adalah *very poor*. Nilai bacaan purata ujian bangkit tubi ialah 25 bilangan dan nilai sisihan piawai ialah 11.78. Secara keseluruhan, nilai purata catatan bilangan yang diambil dalam ujian tekan tubi (bilangan) ini ialah dalam lingkungan 29 hingga 23 bilangan. Sila lihat Jadual 6.

## iii) Ujian Lompatan Menegak

|                 |                   | Frequency | Percent | Valid Percent | Cumulative Percent |
|-----------------|-------------------|-----------|---------|---------------|--------------------|
| Valid excellent | < 169.69          | 2         | 7.4     | 7.4           | 7.4                |
| Good            | < 169.69 - 124.52 | 6         | 22.2    | 22.2          | 29.6               |
| average         | < 124.51 – 111.39 | 8         | 29.6    | 29.6          | 59.3               |
| poor            | < 111.38 – 66.27  | 9         | 33.3    | 33.3          | 92.6               |
| very poor       | < 66.27           | 2         | 7.4     | 7.4           | 100.0              |
| Total           | <                 | 27        | 100.0   | 100.0         |                    |

Berdasarkan graf dan jadual taburan kekerapan ujian lompat kuasa secara menegak yang dianalisis, 7.4 peratus ( $f=2$ ) berada pada tahap *excellent*, 22.2 peratus ( $f=6$ ) adalah *good*, 29.6 peratus adalah *average* ( $f=8$ ), 33.3 peratus adalah *poor* ( $f=9$ ) dan 7.4 peratus ( $f=2$ ) adalah *very poor*. Nilai bacaan purata ujian lompat kuasa secara menegak ialah 115.62 *inci-lbs* dan nilai sisihan piawai ialah 35.09. Secara keseluruhan, nilai purata ialah dalam lingkungan 124.51 hingga 111.39 *inci-lbs*. Sila lihat Jadual 6.

## iv) Ujian Ketangkasan SEMO

|                 |                 | Frequency | Percent | Valid Percent | Cumulative Percent |
|-----------------|-----------------|-----------|---------|---------------|--------------------|
| Valid excellent | < 16.86         | 2         | 7.4     | 7.4           | 7.4                |
| good            | < 18.86 – 17.43 | 6         | 22.2    | 22.2          | 29.6               |
| average         | < 17.44 - 18.65 | 8         | 29.6    | 29.6          | 59.3               |
| poor            | < 18.68 – 22.19 | 8         | 29.6    | 29.6          | 88.9               |
| very poor       | < 22.19         | 3         | 11.1    | 11.1          | 100.0              |
| Total           | <               | 27        | 100.0   | 100.0         |                    |



Berdasarkan graf dan jadual taburan kekerapan ujian larian ketangkasan SEMO yang dianalisis, 7.4 peratus ( $f=2$ ) berada pada tahap *excellent*, 22.2 peratus ( $f=6$ ) adalah *good*, 29.6 peratus adalah *average* dan *poor* ( $f=8$ ) yang setiap satu mempunyai nilai kekerapan yang sama dan 11.1 peratus ( $f=3$ ) adalah *very poor*. Nilai bacaan purata ujian larian ketangkasan SEMO ialah 18.71 saat dan nilai sisihan piawai ialah 2.00. Secara keseluruhan berada dalam lingkungan 17.44 hingga 18.65 saat. Sila lihat Jadual 6.

(v) **Ujian Jangkauan Melunjur**

|                 |         | Frequency | Percent | Valid Percent | Cumulative Percent |
|-----------------|---------|-----------|---------|---------------|--------------------|
| Valid excellent | < 6     | 1         | 3.      | 3.            | 3.                 |
| good            | < 6 – 5 | 1         | 44.     | 44.           | 48.                |
| average         | < 4 – 3 | 7         | 25      | 25            | 74.                |
| poor            | < 2 – 0 | 7         | 25..    | 25..          | 100.               |
| Total           |         | 2         | 100.0   | 100.0         |                    |

Berdasarkan graf dan jadual taburan kekerapan ujian jangkauan melunjur yang dianalisis, 3.7 peratus ( $f=1$ ) berada pada tahap *excellent*, 44.4 peratus ( $f=12$ ) adalah *good*, 25.9 peratus adalah *average* dan *poor* ( $f=7$ ) yang setiap satu mempunyai nilai kekerapan yang sama. Nilai bacaan purata ujian jangkauan melunjur ialah 4 inci dan nilai sisihan piawai ialah 2.17. Secara keseluruhan, nilainya berada dalam lingkungan 6 hingga 5 inci. Sila lihat Jadual 6.

(vi) **Ujian Tekan Tubi**

|                 |           | Frequency | Percent | Valid Percent | Cumulative Percent |
|-----------------|-----------|-----------|---------|---------------|--------------------|
| Valid excellent | < 41      | 2         | 7.      | 7.            | 7.                 |
| good            | < 41 – 27 | 8         | 229.    | 229.          | 37.                |
| average         | < 26 – 21 | 6         | 22.     | 22.           | 59.                |
| poor            | < 20 – 2  | 9         | 33.     | 33.           | 92.                |
| very poor       | < 2       | 2         | 7.      | 7.            | 100.               |
| Total           | <         | 27        | 100.0   | 100.0         |                    |

Berdasarkan graf dan jadual taburan kekerapan ujian tekan tubi yang dianalisis, 7.4 peratus ( $f=2$ ) berada pada tahap *excellent*, 29.6 peratus ( $f=8$ ) adalah *good*, 22.2 peratus adalah *average* ( $f=6$ ), 33.3 peratus adalah *poor* ( $f=9$ ) dan 7.4 peratus adalah *very poor* ( $f=2$ ). Nilai bacaan purata ujian tekan tubi (bil) ialah 23 bilangan dan nilai sisihan piawai ialah 12.38. Secara keseluruhan nilainya berada dalam lingkungan 26 hingga 21 bil. Sila lihat Jadual 6.

# **Tahap Kecergasan Fizikal Pelajar Lelaki Program Ijazah Sarjana Muda Sains Sukan, UMS Mengikut Umur**

**Jadual 7: Nilai taburan skor min dan sisihan piawai pelajar lelaki berdasarkan umur**

| Umur  |                   | Ujian larian<br>2.4 km<br>(min) | Ujian<br>bangkit<br>tubi<br>(bil) | Ujian<br>lompatan<br>menegak<br>(inci-lbs) | Ujian<br>ketangkasan<br>SEMO<br>(saat) | Ujian<br>jangkauan<br>melunjur<br>(bil) | Ujian<br>tekan tubi<br>(bil) |
|-------|-------------------|---------------------------------|-----------------------------------|--------------------------------------------|----------------------------------------|-----------------------------------------|------------------------------|
| 20-24 | Mean              | 13.1722                         | 45.1556                           | 256.7002                                   | 15.7053                                | 5.4444                                  | 41.6000                      |
|       | N                 | 45                              | 45                                | 45                                         | 45                                     | 45                                      | 45                           |
|       | Std.<br>Deviation | 2.15235                         | 8.86504                           | 79.34656                                   | 1.19346                                | 2.35059                                 | 11.71712                     |
|       | Minimum           | 10.04                           | 13.00                             | 177.00                                     | 13.44                                  | .00                                     | 21.00                        |
|       | Maximum           | 19.48                           | 67.00                             | 555.63                                     | 19.40                                  | 10.00                                   | 72.00                        |
| 30-34 | Mean              | 13.5250                         | 42.5000                           | 195.5700                                   | 16.1000                                | 4.0000                                  | 35.0000                      |
|       | N                 | 2                               | 2                                 | 2                                          | 2                                      | 2                                       | 2                            |
|       | Std.<br>Deviation | 1.40714                         | 10.60660                          | 11.52584                                   | .63640                                 | 1.41421                                 | 7.07107                      |
|       | Minimum           | 12.53                           | 35.00                             | 187.42                                     | 15.65                                  | 3.00                                    | 30.00                        |
|       | Maximum           | 14.52                           | 50.00                             | 203.72                                     | 16.55                                  | 5.00                                    | 40.00                        |
| 35-39 | Mean              | 14.3167                         | 37.3333                           | 227.0467                                   | 15.9900                                | 4.3333                                  | 30.0000                      |
|       | N                 | 3                               | 3                                 | 3                                          | 3                                      | 3                                       | 3                            |
|       | Std.<br>Deviation | .20207                          | 4.61880                           | 40.89681                                   | 1.33368                                | .57735                                  | 5.00000                      |
|       | Minimum           | 14.10                           | 32.00                             | 183.48                                     | 15.22                                  | 4.00                                    | 25.00                        |
|       | Maximum           | 14.50                           | 40.00                             | 264.61                                     | 17.53                                  | 5.00                                    | 35.00                        |
| 40-44 | Mean              | 15.5900                         | 31.0000                           | 170.1300                                   | 17.1500                                | 5.0000                                  | 29.0000                      |
|       | N                 | 1                               | 1                                 | 1                                          | 1                                      | 1                                       | 1                            |
|       | Std.<br>Deviation | .                               | .                                 | .                                          | .                                      | .                                       | .                            |
|       | Minimum           | 15.59                           | 31.00                             | 170.13                                     | 17.15                                  | 5.00                                    | 29.00                        |
|       | Maximum           | 15.59                           | 31.00                             | 170.13                                     | 17.15                                  | 5.00                                    | 29.00                        |
| Total | Mean              | 13.3008                         | 44.3137                           | 250.8612                                   | 15.7659                                | 5.3137                                  | 40.4118                      |
|       | N                 | 51                              | 51                                | 51                                         | 51                                     | 51                                      | 51                           |
|       | Std.<br>Deviation | 2.07401                         | 8.91626                           | 76.98882                                   | 1.17548                                | 2.24936                                 | 11.59168                     |
|       | Minimum           | 10.04                           | 13.00                             | 170.13                                     | 13.44                                  | .00                                     | 21.00                        |
|       | Maximum           | 19.48                           | 67.00                             | 555.63                                     | 19.40                                  | 10.00                                   | 72.00                        |

Jadual 7 menunjukkan nilai taburan skor min dan nilai sisihan piawai pelajar lelaki dalam keenam-enam item ujian kecergasan fizikal berdasarkan umur. Kekerapan unjur paling tinggi yang berumur antara 20 hingga 24 tahun adalah seramai 45 orang, diikuti dengan dua subjek yang berumur antara 35 hingga 39 tahun, subjek yang berumur antara 30 hingga 34 tahun seramai dua orang dan hanya seorang subjek berumur antara 40 hingga 44 tahun. Secara umumnya, faktor unjur mempengaruhi nilai skor yang diperolehi dan boleh dibuktikan menerusi pengujian hipotesis kajian.

**Tahap Kecergasan Fizikal Pelajar Perempuan Program Ijazah Sarjana Muda Sains Sukan, UMS Mengikut Umur**

**Jadual 8: Nilai taburan skor min dan sisihan piawai pelajar perempuan berdasarkan umur**

| Umur  |                | Ujian larian 2.4 km (min) | Ujian bangkit tubi (bil) | Ujian lompatan menegak (inci-lbs) | Ujian ketangkasan SEMO (saat) | Ujian jangkauan melunjur (inci) | Ujian tekan tubi (bil) |
|-------|----------------|---------------------------|--------------------------|-----------------------------------|-------------------------------|---------------------------------|------------------------|
| 20-24 | Mean           | 18.0891                   | 28.7273                  | 116.1586                          | 18.7236                       | 3.7727                          | 24.4545                |
|       | N              | 22                        | 22                       | 22                                | 22                            | 22                              | 22                     |
|       | Std. Deviation | 2.42123                   | 8.97712                  | 38.92781                          | 2.15831                       | 2.15874                         | 10.42765               |
|       | Minimum        | 14.10                     | 9.00                     | 50.40                             | 16.16                         | .00                             | 1.00                   |
|       | Maximum        | 24.29                     | 49.00                    | 196.76                            | 24.94                         | 8.00                            | 45.00                  |
| 25-29 | Mean           | 18.6450                   | 10.5000                  | 115.1900                          | 17.3250                       | 4.5000                          | 31.5000                |
|       | N              | 2                         | 2                        | 2                                 | 2                             | 2                               | 2                      |
|       | Std. Deviation | 3.61332                   | 13.43503                 | .77782                            | .45962                        | 2.12132                         | 16.26346               |
|       | Minimum        | 16.09                     | 1.00                     | 114.64                            | 17.00                         | 3.00                            | 20.00                  |
|       | Maximum        | 21.20                     | 20.00                    | 115.74                            | 17.65                         | 6.00                            | 43.00                  |
| 30-34 | Mean           | 24.1050                   | 4.5000                   | 107.9350                          | 19.6400                       | 2.5000                          | 1.5000                 |
|       | N              | 2                         | 2                        | 2                                 | 2                             | 2                               | 2                      |
|       | Std. Deviation | .12021                    | .70711                   | 6.99329                           | .55154                        | 3.53553                         | .70711                 |
|       | Minimum        | 24.02                     | 4.00                     | 102.99                            | 19.25                         | .00                             | 1.00                   |
|       | Maximum        | 24.19                     | 5.00                     | 112.88                            | 20.03                         | 5.00                            | 2.00                   |
| 35-39 | Mean           | 21.2800                   | 12.0000                  | 120.1200                          | 19.3800                       | 2.0000                          | 5.0000                 |
|       | N              | 1                         | 1                        | 1                                 | 1                             | 1                               | 1                      |
|       | Std. Deviation |                           |                          |                                   |                               |                                 |                        |
|       | Minimum        | 21.28                     | 12.00                    | 120.12                            | 19.38                         | 2.00                            | 5.00                   |
|       | Maximum        | 21.28                     | 12.00                    | 120.12                            | 19.38                         | 2.00                            | 5.00                   |
| Total | Mean           | 18.6941                   | 24.9630                  | 115.6244                          | 18.7122                       | 3.6667                          | 22.5556                |
|       | N              | 27                        | 27                       | 27                                | 27                            | 27                              | 27                     |
|       | Std. Deviation | 2.83847                   | 11.78161                 | 35.09191                          | 2.00345                       | 2.16617                         | 12.37657               |
|       | Minimum        | 14.10                     | 1.00                     | 50.40                             | 16.16                         | .00                             | 1.00                   |
|       | Maximum        | 24.29                     | 49.00                    | 196.76                            | 24.94                         | 8.00                            | 45.00                  |

Jadual 8 menunjukkan nilai taburan skor min dan nilai sisihan piawai pelajar perempuan dalam keenam-enam item ujian kecergasan fizikal berdasarkan umur. Berdasarkan data yang diperoleh di atas, satu norma kecergasan fizikal yang khusus iaitu umur tidak dapat dibina untuk kumpulan pelajar lelaki dan perempuan program Ijazah Sarjana Muda Sains UMS kerana bilangan sampel kajian yang kecil. Bagi membina satu norma yang khusus, pemilihan sampel kajian yang diperlukan daripada populasi yang ada mestilah melebihi 50 orang.

Hanya satu norma kecergasan fizikal yang khusus berdasarkan jantina dapat dibentuk dalam sampel kajian ini. Data tersebut menunjukkan tahap kecergasan fizikal pelajar-pelajar lelaki dan perempuan berada di tahap yang sederhana (*average*) untuk semua jenis ujian kecergasan fizikal yang telah dijalankan ke atas mereka. Data ini dapat diringkaskan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 9 dan Jadual 10.

**Jadual 9: Norma kecergasan fizikal pelajar lelaki  
Ijazah Sarjana Muda Sains Sukan, UMS**

| Tahap        | 2.4 km      | SU    | VJ            | SAR         | SR  | PU    |
|--------------|-------------|-------|---------------|-------------|-----|-------|
| Cemerlang    | <10.57      | >52   | >351.06       | <14.05      | >8  | >57   |
| Baik         | 10.57-11.87 | 52-51 | 351.06-265.14 | 14.05-15.22 | 8-7 | 57-47 |
| Sederhana    | 11.88-13.61 | 50-42 | 265.13-212.38 | 15.23-15.81 | 6-5 | 46-36 |
| Lemah        | 13.62-15.59 | 41-32 | 212.37-185.04 | 15.82-17.37 | 4-2 | 35-27 |
| Sangat Lemah | >15.59      | <32   | <185.04       | >17.37      | <2  | <27   |

**Jadual 10: Norma kecergasan fizikal pelajar perempuan  
Ijazah Sarjana Muda Sains Sukan, UMS**

| Tahap        | 2.4 km      | SU    | VJ            | SAR         | SR  | PU    |
|--------------|-------------|-------|---------------|-------------|-----|-------|
| Cemerlang    | <15.42      | >42   | >169.69       | <16.89      | >6  | >41   |
| Baik         | 15.42-16.77 | 42-30 | 169.69-124.52 | 16.89-17.43 | 6-5 | 41-27 |
| Sederhana    | 16.78-18.96 | 29-23 | 124.51-111.39 | 17.44-18.65 | 4-3 | 26-21 |
| Lemah        | 18.97-24.05 | 22-5  | 111.38-66.27  | 18.66-22.19 | 2-0 | 20-2  |
| Sangat Lemah | >24.05      | <5    | <66.27        | >22.19      |     | <2    |

**Petunjuk:**

2.4 km – Ujian larian 2.4 km (min)

SU – Ujian bangkit tubi (bil)

VJ – Ujian lompatan menegak (inci-Ibs)

SAR – Ujian ketangkasan SEMO (saat)

SR – Ujian jangkauan melunjur (bil)

PU – Ujian tekari tubi (bil)

**Perbincangan dan Rumusan**

Secara keseluruhannya, subjek kajian mempunyai tahap kecergasan fizikal sederhana berdasarkan jantina. Didapati bilangan pelajar lelaki dan perempuan adalah lebih besar dan berada di tahap sederhana berbanding dengan bilangan mereka yang berada di tahap cemerlang, baik, lemah dan sangat lemah. Menerusi data yang diperolehi, satu norma kecergasan fizikal yang khusus berdasarkan jantina sahaja dapat dibentuk untuk kumpulan pelajar Program Ijazah Sarjana Muda Sains Sukan Tahun Satu di UMS. Norma kecergasan berdasarkan umur tidak dapat dibentuk kerana saiz sampel adalah kecil dan tidak boleh digeneralisasikan untuk populasi lain. Data tersebut menunjukkan bahawa tahap kecergasan fizikal pelajar-pelajar

lelaki dan perempuan berada di tahap sederhana (*average*) untuk semua jenis ujian kecergasan fizikal yang telah dijalankan ke atas mereka.

Menyedari kepentingan tahap kecergasan fizikal seseorang individu dalam sesebuah kehidupan, satu kajian rintis dilaksanakan ke atas pelajar khususnya pelajar-pelajar Sains Sukan Tahun Satu ambilan 2005/2006 di UMS. Hasil kajian yang dilaksanakan mendapati kewujudan perbezaan nilai skor yang diperoleh antara faktor umur dan jantina dalam menentukan tahap kecergasan fizikal. Hasil kajian ini adalah selari dengan dapatan kajian lepas seperti yang dijalankan oleh *Cooper Institute for Aerobics Research* (1999) yang mendapati terdapat perbezaan umur dan jantina dalam mempengaruhi tahap prestasi seseorang individu.

Selain itu, hasil keputusan ini dikukuhkan lagi dengan analisis pengujian hipotesis yang menggunakan kaedah korelasi Pearson iaitu saling hubungan antara pemboleh ubah tidak bersandar akan dianalisis bagi menentukan kewujudan hubungan signifikan kecergasan fizikal tahap prestasi melawan catatan skor bacaan bagi keenam-enam item bateri ujian ditentukan menerusi pelbagai lingkungan umur dan jantina yang berbeza. Set piawai yang diperlukan oleh subjek lelaki dan perempuan adalah berbeza. Hal ini demikian kerana kandungan *VO<sub>2</sub> max* adalah berbeza mengikut jantina dan perbezaan kandungan hemoglobin dalam darah, komposisi tubuh dan kadar pertumbuhan dan pembentukan sistem biologi tubuh yang berlainan. Hasil dapatan kajian ini selari dengan data yang diperoleh oleh Buskirk & Hodgson (1987) yang membuktikan tahap aerobik akan menurun mengikut umur. Kadar penurunan tahap aerobik sama ada cepat atau lambat dapat ditentukan menerusi gaya kehidupan seseorang individu. Sementara itu, Jackson *et al.* (1995, 1996) mendapati bahawa kadar penurunan tahap aerobik boleh dipengaruhi oleh komposisi tubuh dan tahap aktiviti fizikal yang berbeza-beza.

Sekiranya dapatan yang diperoleh dari keputusan ini dibandingkan dengan norma yang sedia wujud sama ada norma yang dibentuk oleh pengkaji dari luar negara mahupun dari dalam negara, terdapat beberapa perbezaan dari segi catatan nilai skor yang diperoleh. Sebagai contoh, sekiranya kita membandingkan norma yang diperoleh dengan norma yang dibentuk oleh ACSM didapati norma tahap kecergasan fizikal yang diperoleh adalah lebih tinggi secara keseluruhannya berbanding norma tahap kecergasan yang dibentuk oleh ACSM.

Terdapat beberapa kemungkinan. Faktor utama adalah tahap kecergasan fizikal subjek. Hal ini demikian kerana subjek yang digunakan oleh pengkaji secara keseluruhannya merupakan atlet-atlet yang masih aktif melakukan aktiviti fizikal manakala subjek yang digunakan oleh ACSM diambil daripada populasi umum. Faktor lain adalah bilangan subjek yang digunakan seramai 78 orang manakala subjek ACSM melebihi 1000 orang.

Bagi ujian bangkit tubi, norma yang dibina oleh pengkaji lebih tinggi berbanding dengan norma yang dibina oleh ACSM. Dari segi ujian lompatan menegak pula, norma yang dibentuk oleh ACSM lebih rendah berbanding yang dibina oleh pengkaji. Norma ujian ketangkasan SEMO dan jangkauan melunjur ACSM kelihatan

lebih tinggi jika dibandingkan dengan norma pengkaji. Sementara itu, bagi ujian tekan tubi pula, norma ACSM lebih rendah jika dibandingkan norma pengkaji.

Kesimpulannya, untuk membangunkan sesebuah norma kecergasan, populasi subjek yang digunakan akan mempengaruhi secara langsung dapatan yang bakal diperoleh. Begitu juga dengan bilangan sampel yang akan mempengaruhi min dan median persentil yang menjadi rujukan untuk membina sesuatu norma.

### **Implikasi Kajian dan Cadangan**

Kajian ini berjaya memberikan maklumat awal yang diharapkan dapat membantu pelajar memahami tahap prestasi atau tahap kecergasan fizikal mereka. Selain menggalakkan mereka untuk menceburi pelbagai bidang sukan, maklumat yang diperoleh ini boleh diaplikasikan sebagai salah satu kriteria membuat pemilihan atau pencarian bakat dalam pembangunan sesebuah sukan. Diharapkan hasil kajian ini dapat membantu para jurulatih dan pensyarah Sains Sukan untuk menjadi lebih proaktif dan efektif membuat tanggapan dan berorientasikan fakta sains untuk meningkatkan tahap prestasi atlet mereka.

Melalui hasil kajian ini, beberapa cadangan dikemukakan untuk dijadikan panduan pada masa hadapan.

- a. Kurikulum Program Ijazah Sarjana Muda Sains Sukan perlu dimurnikan semula supaya setiap pelajar akan mengikuti kursus penyesuaian fizikal pada semester I dan bukannya pada semester 3.
- b. Para pelajar di bawah program ini perlu mengikuti sekurang-kurangnya satu kursus berbentuk permainan atau olahraga pada setiap semester supaya tahap kecergasan mereka dapat dikekalkan.

Selain itu, limitasi kajian ini ialah norma yang dibina tidak dapat digeneralisasi kepada populasi umum kerana sampel yang digunakan hanya mewakili populasi pelajar Sains Sukan, UMS. Oleh yang demikian, dicadangkan agar populasi yang dijadikan sampel adalah dari kalangan pelbagai lapisan masyarakat yang mempunyai tahap pelbagai kecergasan dan mengambil kira aspek demografi seperti tempat tinggal, jantina, umur dan tahap penglibatan dalam sukan. Pengkaji tidak dapat membangunkan norma tahap kecergasan berasaskan umur kerana majoriti subjek berumur di antara 20 hingga 24 tahun. Dicapadkan agar setiap peringkat umur sekurang-kurangnya terdiri dari 50 orang. Saiz sampel yang digunakan dalam kajian juga perlu dipastikan sama supaya satu graf cerapan taburan normal boleh diperoleh.

## Penutup

Melalui hasil kajian ini, norma tahap kecergasan yang diperoleh bagi kedua-dua kumpulan pelajar ini sangat lemah dari segi daya tahan kardiovaskular. Bilangan ini terlalu kecil jika dibandingkan daripada 78 orang responden yang menjalani ujian ini. Hipotesis mengatakan wujud hubungan yang signifikan di antara faktor umur dengan jantina dalam 6 item bateri ujian kecergasan. Hipotesis ini telah diuji menggunakan pengujian korelasi Pearson yakni hipotesis nol telah ditolak. Tahap kepantasan responden juga tidak boleh dibanggakan kerana hanya lima orang pelajar lelaki dan dua orang pelajar perempuan mencapai tahap cemerlang semasa ujian ketangkasan SEMO. Sementara itu, seramai lima orang pelajar lelaki dan dua orang pelajar perempuan sahaja yang berjaya berada di tahap cemerlang semasa ujian lompat kuasa secara menegak, manakala yang lain adalah sederhana. Secara keseluruhannya, hasil kajian ini menunjukkan tahap kecergasan fizikal pelajar-pelajar Program Ijazah Sarjana Muda Sains Sukan, UMS berada di tahap yang sederhana.

## Bibliografi

- AAHPER. 1976. *Youth fitness Test Manual*. Washington, DC: AAHPER.
- Amanda Stewart, B. Ann Boyce, Steven Elliot & Martin E. Block. 2005. Effective teaching practices during physical fitness testing. *Journal of Physical Education, Recreation & Dance*; Vol.76, No.1; Health & Medical Complete pg. 21.
- American College of Sports Medicine. 2000. *ACSM's Guidelines for Exercise Testing and Prescription*. Philadelphia: Lippincott, Williams & Wilkins.
- Bompa, T.O. 1999. *Periodization : Theory and Methodology of Training*. (4th Edition). Champaign Human Kinetics Pub.
- Buskirk, E.R. & J.L. Hodgson. 1987. Age and Aerobic Power: The Rate of Change in Men and Women. *Federation Proceedings*, 46. 1824-1829.
- Carl E. Willgoose. 1984. *The Curriculum in Physical Education*. (4th Edition). New Jersey: Prentice-Hall Inc.
- Cooper Institute for Aerobics Research (CIAR). 1999. *FITNESSGRAM Test Administration Manual*. (2nd Edition). Champaign, IL: Human Kinetics.
- David E. Sherwood and Timothy D. Lee. 2003. Scheme theory: critical review and implications for the role of cognition in a new theory of motor learning. *Research quarterly for Exercise and Sport*, Vol. 74, No.4, pg. 376-382.
- Gary E. Larsen, James D. George Jeffrey, L. Alexander, Gilbert W. Fellingham. 2002. Prediction of maximum oxygen consumption from walking, jogging, or running. *Research Quarterly for Exercise and Sport*; Vol. 73, No.1; *ProQuest Education Journals*, pg. 66.

- George, James D. 1996. Alternative approach to maximal exercise testing and VO<sub>2</sub>max prediction in college students. *Research Quarterly for Exercise and Sport*; Vol.67, No.4; *ProQuest Educational Journals*, pg. 452-457.  
[http://www.thesportjournal.org/2003Journal/Vol6-No1/IPFT\\_Manual.asp](http://www.thesportjournal.org/2003Journal/Vol6-No1/IPFT_Manual.asp)  
[http://www.findarticles.com/p/articles/mi\\_m0675/is\\_3\\_18/ai\\_62342801/print](http://www.findarticles.com/p/articles/mi_m0675/is_3_18/ai_62342801/print)  
<http://www.brianmac.demon.co.uk/exercise.htm>
- Jackson, A.S. *et al.* 1995. Changes in Aerobic Power of Men ages 25-70 years. *Medicine and Science in Sport and Exercise*, 27, 113-120.
- Jackson, A.S. *et al.* 1996. Changes in Aerobic Power of Women ages 20-64 years. *Medicine and Science in Sport and Exercise*, 28, 884-891.
- Jackson, Allen W; Morrow, James R Jr; Jensen, Randall L; Jones, Nicole A; Schultes. 1996. Reliability of The Prudential FITNESSGRAM (tm) trunk lift test in young adults. *Research Quarterly for Exercise and Sport*; Vol. 67, No. 1; *ProQuest Education Journals*. pg. 115.
- Jerry R. Thomas and Jack K. Nelson 1996. *Research Methods in Physical Activity*. (3rd Edition). USA : Human Kinetics.
- John E. Kovalski, Wendy E. Davis, Robert J. Heitman, Philip M. Norell, Steven F. Pugh. 2005. Concurrent Validity of Two Submaximal Bicycle Exercise Tests in Predicting Maximal Oxygen Consumption. *Research Quarterly for Exercise and Sport*; Vol.76, No.1; *ProQuest Education Journals*. pg. 29.
- Lee Ley Hua. 2000. *Kesan Program Latihan Kecergasan Fizikal Terhadap Kecergasan Pelajar Kursus Diploma Perguruan Malaysia*.
- Lidor R., Melnik Y., Bilkevitz A., Aron M., Falk B. 2004. Measurement of talent in judo using a unique, judo-specific ability test. *Journal of Sports Medicine and Physical Fitness*; Vol.45, No.1; *ProQuest Education Journals*, pg. 32.
- Magària, R. *et al.* 1966. Measurement of Muscular Power(anaerobic) in Man. *Journal of Applied Physiology*, 21: 1662-1664.
- Pat Vehrs; James D George; Gilbert W Fellingham. 1998. Prediction of VO<sub>2</sub>max before, during and after 16 weeks of endurance training. *Research Quarterly for Exercise and Sport*; Vol. 69, No.3; *ProQuest Education Journals*. pg. 297.
- Pivarnik, James.M, Dwyer Melissa.C and Lauderdale Margaret.A.1996. The reliability of aerobic capacity (VO<sub>2</sub>max) testing in adolescent girls. *Research Quarterly for Exercise and Sport*; Vol.67, No. 3; *ProQuest Education Journals*.pg. 345-348.
- Scott K.P, Edward T.H. 2004. *Exercise Physiology: Theory and Application to Fitness and Performance*. (5th Edition). New York: McGraw-Hill Companies Inc.
- Ted A.Baumgartner, Andrew S.J, Matthew T.M, David A.R.2003. Measurement for Evaluation : In *Physical Education and Exercise Science*. (7th Edition). New York: McGraw-Hill Companies Inc.
- Thomas D.F, Paul M.I, Walton T.R. 2003. *Fit and Well: Core Concepts and Labs in Physical Fitness and Wellness*. (5th Edition). USA: McGraw-Hill Companies Inc.



- Tortora and Grabowski 2003. *Principles of Anatomy and Physiology*. (10th Edition). USA: John Wiley & Sons Inc.
- Udo Eversheim & Otmar Bock. 2001. Evidence for Processing Stages in Skill Acquisition: A Dual-Task Study. *Learning & Memory* 8: pg. 183-189.
- Wu Ping, Bao Jia-li, Xia Qiang, I.C Bruce. 2004. The use of artificial neural networks in the motor program. *Proceedings of the 26th Annual International Conference of the IEEE EMBS* San Francisco, CA, USA.

**PERBANDINGAN DUA KAEDAH MENGAJAR BACAAN AWAL  
BAHASA MELAYU DALAM KALANGAN  
MURID PRASEKOLAH**

Na'imah Yusoff

**ABSTRAK**

*Kajian ini bertujuan membandingkan kaedah-kaedah bacaan awal bahasa Melayu murid prasekolah. Kaedah-kaedah tersebut ialah Kaedah Kawalan Vokal Berstruktur (KVB) dan Kaedah Gabungan Bunyi Kata (GBK). Kedua-duanya adalah berasaskan gabungan Pendekatan Alternatif dan Pendekatan Tradisional. Di samping itu, jantina dipilih sebagai variabel moderator untuk mengenal pasti kesan jantina bagi kaedah-kaedah yang berbeza. Kajian ini juga bertujuan mengenal pasti korelasi di antara pencapaian bacaan suku kata terbuka dengan suku kata tertutup dan korelasi di antara pencapaian kesediaan membaca dengan kemahiran bacaan awal. Dengan itu, reka bentuk kajian ini berasaskan kepada reka bentuk kuantitatif yang menggunakan kaedah kuasi-eksperimen. Sampel kajian melibatkan murid prasekolah yang berumur lima hingga enam tahun. Seramai 62 orang murid mengikuti Kaedah KVB dan 63 orang mengikuti Kaedah GBK. Jangka masa pelaksanaan program bacaan awal ialah selama 12 minggu. Oleh itu, murid prasekolah telah menduduki Ujian Kesediaan Membaca dan Ujian Kemahiran Bacaan Awal pra ujian dan pasca ujian. Bagi tujuan mengenal pasti kesan kaedah bacaan awal, skor min Ujian Kemahiran Bacaan Awal telah dianalisis menggunakan ujian multivariat (MANCOVA) dengan mengambil kira skor Ujian Kesediaan Membaca sebagai kovariat. Analisis korelasi Pearson pula digunakan untuk mengenal pasti korelasi antara variabel. Aras signifikan 0.05 telah digunakan untuk menolak atau menerima hipotesis yang telah dibentuk. Walau bagaimanapun, kaedah temu bual digunakan sebagai 'triangulation'. Dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan skor min yang signifikan bagi pencapaian kemahiran bacaan awal terhadap kaedah yang berbeza. Perbezaan skor min bagi kaedah yang berbeza mengikut jantina didapati tidak signifikan. Analisis korelasi pula menunjukkan terdapat korelasi yang signifikan di antara pencapaian kemahiran bacaan suku kata terbuka dengan suku kata tertutup mengikut kaedah berbeza.*

## **Pengenalan**

Aktiviti-aktiviti seperti mendengar, membaca dan menulis merupakan proses yang membantu perkembangan awal literasi kanak-kanak. Ibu bapa, orang dewasa dan persekitaran akan membantu kanak-kanak mempercepatkan kemahiran membaca. Membaca merupakan proses kompleks yang melibatkan minda, persepsi, linguistik dan psikologi. Pengalaman awal literasi membaca memerlukan pendekatan yang bermakna, konkrit dan melibatkan kanak-kanak secara aktif (Morrow, 1993). Terdapat berbagai-bagai pendekatan dan kaedah yang digunakan oleh guru dalam membantu perkembangan awal kemahiran membaca murid. Dari aspek pedagogi, secara umumnya terdapat dua pendukung utama, iaitu pendukung Teori Kognitif dan Teori Behavioris. Pendekatan-pendekatan dalam pengajaran membaca pula dikategorikan sebagai Pendekatan Tradisional dan Pendekatan Alternatif (Fisher, 1992). Di samping itu, terdapat pelbagai kaedah lain yang berkaitan dengan teori dan pendekatan tersebut.

Keberkesanan pendekatan dan kaedah pengajaran awal kemahiran membaca murid menjadi perdebatan dalam kalangan tenaga pengajar, pembentuk dasar dan penyelidik (Jyh 1999; Kemp, 1996 & Norliza, 1995). Dengan itu, kajian ini melibatkan kajian terhadap Komponen Bahasa dan Komunikasi (Kurikulum Pendidikan Prasekolah, 2003) bagi tujuan mengenal pasti kesan kaedah-kaedah berasaskan Pendekatan Alternatif dan Pendekatan Tradisional terhadap pengajaran kemahiran bacaan awal murid prasekolah.

## **Latar Belakang Kajian**

Penekanan terhadap komponen pengalaman bahasa dan bacaan awal telah digariskan dalam Garis Panduan Pendidikan Prasekolah (1999), Kurikulum Prasekolah Kebangsaan (2001) (Edisi Percubaan) dan Kurikulum Prasekolah Kebangsaan (2003). Bidang pengalaman kanak-kanak prasekolah telah dibahagikan kepada enam komponen pengalaman (sebelum tahun 2003 istilah 'komponen' dikenali sebagai 'bidang pengalaman') yang disesuaikan dengan perkembangan kanak-kanak berusia empat hingga enam tahun. Bahasa dan komunikasi merupakan satu daripada enam komponen yang telah digariskan oleh Kementerian Pendidikan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1999; Kementerian Pendidikan Malaysia, 2000; Kementerian Pendidikan Malaysia, 2003). Kemahiran bacaan awal akan dilaksanakan secara bersepadu dengan komponen Perkembangan Fizikal, Sosioemosi, Kognitif, Moral dan Pendidikan Islam. Komponen Bahasa dan Komunikasi menekankan kemahiran penggunaan bahasa lisan seharian yang mencakupi objektif khusus seperti kemahiran prabacaan dan bacaan awal. Bagi memenuhi keperluan kurikulum yang telah disediakan, pendekatan dan kaedah pengajaran yang sesuai perlu diberikan perhatian oleh guru-guru prasekolah.

Rubin (1993) turut membincangkan bahawa membaca sebagai satu proses integratif yang mencakupi domain kognitif, persepsi dan afektif sehingga boleh mencapai peringkat metakognitif, khususnya dalam aspek kefahaman. Selain Rubin, Adam (1990) dan Holdaway (1979, dalam Ginggold, 2000) mengatakan proses integratif dalam kemahiran membaca dilalui oleh setiap kanak-kanak sebelum mereka mendapat pendidikan secara rasmi. Bermakna, persekitaran memainkan peranan dalam asas bacaan awal.

Penjelasan di atas menunjukkan bahawa perkembangan dan penggunaan bahasa serta kemahiran membaca merupakan antara bidang perkembangan utama dalam proses perkembangan murid prasekolah yang tidak boleh diabaikan. Proses membaca dan perkembangan bahasa akan dilalui oleh setiap murid, sama ada secara disedari ataupun tidak. Di peringkat prasekolah, murid-murid akan didedahkan dengan pengalaman membaca yang akan menjadi asas kepada pendidikan rasmi di Tahap Satu sekolah rendah. Namun begitu, terdapat pelbagai isu dalam melaksanakan proses pengajaran bacaan awal ini.

### **Penyataan Masalah**

Kemahiran membaca merupakan jalan keluar kepada kejayaan pendidikan yang lebih tinggi dan kejayaan masa depan seseorang individu. Dengan itu, terdapat lima isu berkaitan kemahiran membaca yang merupakan pernyataan masalah kepada kajian ini. Isu-isu tersebut ialah kefahaman dan kemahiran guru terhadap penggunaan kaedah pengajaran, pertikaian pendapat antara kaedah yang berasaskan Pendekatan Tradisional (Abjad dan Fonik – hafalan) dengan kaedah yang berasaskan Pendekatan Alternatif (Keseluruhan Perkataan – makna), penggunaan kaedah pengajaran bacaan awal bahasa Melayu hanya berfokus kepada Kaedah Kawalan Konsonan, kepentingan kesediaan membaca dan akhir sekali masalah literasi dalam kalangan murid sekolah rendah hasil daripada amalan kaedah-kaedah yang sedia ada.

Mengikut laporan Kementerian Pelajaran (1975) dan Sofiah (1983), antara penyebab kelemahan membaca dalam kalangan murid sekolah ialah guru tidak memahami tujuan mengajar kemahiran membaca pada peringkat bacaan awal. Oleh itu, guru tidak dapat menyesuaikan penggunaan kaedah dengan tujuan membaca. Penjelasan ini selaras dengan hal yang dikemukakan oleh Guszak (1972) dan Dickinson (1994), yakni kelemahan dalam kemahiran membaca berkaitan dengan kemahiran pengajaran guru itu sendiri. Walau bagaimanapun, dari aspek penggunaan pendekatan, terdapat pertikaian pendapat tentang strategi dan kaedah pengajaran bacaan awal. Kajian Norliza (1995) mendapati kaedah kemahiran bacaan awal dengan pendedahan bunyi yang tidak seragam, konsep dan makna yang tidak kukuh boleh mengelirukan dan melambatkan kemahiran bacaan yang akan diperolehi oleh murid prasekolah. Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Kurikulum Baru Sekolah

Rendah (KBSR) Tahun Satu kurang menunjukkan satu keseragaman dalam aspek bunyi vokal [ba], [bi], [be] dan [bo]. Kaedah pengajaran kemahiran bacaan awal bahasa Melayu lebih bercorak hafalan atau latih tubi, suku kata tidak seragam dan tidak bermakna (Huraian Sukatan Pelajaran KBSR, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1995 & Maznah, 1994). Oleh itu, kaedah yang ditunjukkan dalam sukatan pelajaran tidak sesuai dan bercanggah dengan dapatan Norhiza (1995) yang menyatakan bahawa murid mempelajari kemahiran membaca melalui makna dan keseragaman bunyi. Namun begitu, bagi program KIA2M (2006), untuk murid yang mengalami masalah kemahiran bacaan awal telah memperkenalkan kemahiran bacaan awal dengan keseragaman bunyi vokal (kawalan vokal). Penjelasan di atas telah memberikan gambaran bahawa Kaedah Abjad, sama ada bercirikan fonik atau bukan fonik yang tidak seragam akan mengelirukan murid sewaktu memperoleh kemahiran asas membaca. Walau bagaimanapun, pandangan dan dapatan di atas agak berbeza dengan dapatan Sofiah (1983). Beliau mendapati Kaedah Abjad lebih berkesan berbanding dengan Kaedah Terus Membaca yang telah diperkenalkan oleh Noraihan (1975).

Berdasarkan beberapa ulasan seperti Fisher (1992), Bigge (1992), Juriah (1993) dan Kamaruddin (1998), pendekatan kemahiran membaca dapat dikategorikan kepada dua aliran teori, iaitu Kognitif dan Behavioris. Kaedah Keseluruhan Perkataan adalah berasaskan Teori Kognitif manakala Kaedah Abjad, sama ada menekankan fonik atau bukan fonik adalah berlandaskan Teori Behavioris. Namun, bagi tujuan kajian ini Teori Kognitif telah dijadikan asas kepada kedua-dua kaedah perbandingan. Oleh itu, kajian ini memfokuskan kesan kaedah pengajaran kemahiran bacaan awal dalam kalangan murid prasekolah yang disesuaikan dengan Teori Kognitif. Perbandingan antara kaedah pengajaran ini melibatkan Kaedah Kawalan Vokal dan Kaedah Kawalan Konsonan.

### Objektif Kajian

1. Membandingkan skor min kemahiran bacaan awal antara murid prasekolah yang mengikuti Kaedah KVB dan GBK bagi kemahiran berikut:
  - a) Diskriminasi huruf
  - b) Bacaan suku kata
  - c) Bacaan dan kefahaman
  - d) Bacaan dan kefasihan
2. Membandingkan perbezaan skor min kemahiran bacaan awal bahasa Melayu murid lelaki dan murid perempuan yang mengikuti Kaedah KVB dan GBK.

3. Mengenal pasti korelasi di antara kemahiran bacaan suku kata terbuka dengan suku kata tertutup bagi murid yang mengikuti Kaedah KVB dan murid yang mengikuti Kaedah GBK.

### **Reka Bentuk Kajian**

Kajian ini berasaskan kepada reka bentuk kuantitatif dengan kaedah kuasi-eksperimen. Kaedah ini merupakan salah satu kaedah yang digunakan secara meluas bagi tujuan penyelidikan dalam bidang pendidikan. Oleh itu, kajian ini bermula dengan pra-ujian dan diikuti dengan pengajaran yang menggunakan modul bacaan awal bahasa Melayu yang dibentuk khas oleh pengkaji untuk pengajaran kemahiran membaca murid prasekolah. Kumpulan Kaedah Kawalan Vokal Berstruktur (KVB) terdiri daripada 62 orang murid manakala kumpulan Kaedah GBK terdiri daripada 63 orang murid. Murid dan guru dari kedua-dua kumpulan terlibat terdiri daripada mereka yang datang dari latar belakang pendidikan dan pencapaian yang sama atau hampir sama. Jangka masa yang telah diambil bagi melaksanakan program kemahiran bacaan awal murid-murid prasekolah ini ialah selama 12 minggu dan diikuti dengan pasca-ujian bagi kedua-dua kumpulan yang terlibat. Namun begitu, dapatan kajian ini tidak bertujuan untuk digeneralisasikan, sebaliknya lebih merupakan kajian kes ke atas sekumpulan sampel yang terdiri dari murid prasekolah.

### **Instrumen Kajian**

Instrumen kajian terdiri dari:

#### **i Modul Kemahiran Bacaan Awal**

Modul Kemahiran Bacaan Awal Bahasa Melayu yang disediakan dalam dua kaedah pengajaran, iaitu Kaedah GBK (Ishak Haron) dan KVB (Naimah Yusoff & Asry Yusoff, 1998). Namun begitu, kedua-dua kaedah ini telah diubah suai oleh penyelidik berasaskan pendekatan kognitif.

#### **ii Ujian Kemahiran Bacaan Awal**

Ujian Kemahiran Bacaan Awal merupakan ujian pencapaian yang digunakan untuk pra-ujian dan pasca-ujian kemahiran bacaan awal. Bagi tujuan tersebut, instrumen yang digunakan ialah instrumen pencapaian jenis *Criterion-Referred Test* (CRT) atau *Researcher-made Content Specific Test* (RCPT). CRT ialah ujian yang dibina berasaskan objektif dan kurikulum pengajaran. RCPT pula merupakan soalan ujian yang dibina oleh guru atau penyelidik mencakupi perkara yang diajarkan (Slavin, 1992).

### iii. Ujian Kesediaan Membaca

Alat kajian ini diubah suai daripada ujian kesediaan membaca Noran (1983). Jenis-jenis kemahiran yang berkaitan dengan kesediaan membaca adalah seperti yang berikut:

1. Perbendaharaan Kata dan Konsep
2. Diskriminasi Pendengaran
3. Diskriminasi Penglihatan
4. Kebolehan Am Melukis

### Analisis Data

Analisis data telah dilaksanakan untuk mengenal pasti perbezaan skor min pencapaian kemahiran bacaan awal antara murid yang mengikuti Kaedah KVB dan Kaedah GBK. Seterusnya, kesan kaedah-kaedah tersebut akan dikenal pasti. Selain itu, perbezaan skor min pencapaian kemahiran bacaan awal di antara murid lelaki dengan perempuan juga akan ditentukan. Kemahiran bacaan awal ini mencakupi bahagian diskriminasi huruf, bacaan suku kata, bacaan dan kefahaman serta bacaan dan kefasihan. Di samping itu, kajian ini juga akan mengenal pasti korelasi di antara kemahiran bacaan suku kata terbuka dengan suku kata tertutup. Untuk itu, data dianalisis menggunakan ujian multivariat (MANCOVA) dengan mengambil kira skor Ujian Kesediaan Membaca sebagai kovariat. Analisis korelasi Pearson pula digunakan untuk mengenal pasti korelasi antara variabel. Aras signifikan 0.05 telah digunakan untuk menolak atau menerima hipotesis yang telah dibentuk.

- i. Perbezaan skor min kemahiran bacaan awal antara murid yang mengikuti Kaedah KVB dan Kaedah GBK yang mencakupi kemahiran:
  - ii. Diskriminasi huruf
  - iii. Bacaan suku kata
  - iiii. Bacaan dan kefahaman
  - iv. Bacaan dan kefasihan

Jadual 1 berikut menunjukkan analisis inferens ujian multivariat Wilk's Lambda bagi kesan kaedah KVB dan kaedah GBK terhadap kemahiran bacaan awal adalah signifikan pada aras keertian 0.05 ( $p=0.001$ ) dengan kuasa dua eta 0.150.

**Jadual 1: Perbandingan kesan Kaedah KVB dan Kaedah GBK terhadap pencapaian kemahiran bacaan awal**

| Kesan Kaedah                       | Nilai | F    | Sig. | Kuasa Dua Eta |
|------------------------------------|-------|------|------|---------------|
| Wilks' Lambda                      | .850  | 5.26 | .001 | .150          |
| Kaedah KVB = 62<br>Kaedah GBK = 63 |       |      |      |               |

Kuasa dua eta menjadi petunjuk kepada kekuatan saiz kesan antara Kaedah KVB dan Kaedah GBK. Cohen (1988) dan Ehri *et al.* (2001), mencadangkan nilai saiz kesan yang biasa digunakan ialah seperti 0.20 (kecil), 0.50 (sederhana) dan 0.80 ke atas (besar). Dengan itu, dapatan kajian menunjukkan terdapat saiz kesan yang kecil (0.150) sahaja antara kedua-dua kaedah tersebut. Oleh itu, hipotesis nul berikut ditolak:

- H<sub>01</sub>. Tidak terdapat berbezaan yang signifikan bagi skor min kemahiran bacaan awal bahasa Melayu antara murid yang mengikuti Kaedah KVB dan GBK.

Jadual 2 berikut menunjukkan analisis deskriptif perbandingan peningkatan skor min pencapaian kemahiran bacaan awal di antara murid lelaki dengan perempuan bagi Kaedah KVB dan Kaedah GBK.

**Jadual 2: Perbandingan peningkatan skor min kemahiran bacaan awal mengikut kaedah dan jantina**

| Kaedah/<br>Kumpulan            | Jantina       |                 |             |               |                 |             |
|--------------------------------|---------------|-----------------|-------------|---------------|-----------------|-------------|
|                                | Lelaki (L)    |                 |             | Perempuan (P) |                 |             |
|                                | Pra-<br>ujian | Pasca-<br>ujian | Peningkatan | Pra-<br>ujian | Pasca-<br>ujian | Peningkatan |
| <b>KVB</b><br>L = 28<br>P = 34 | 11.66         | 31.66           | 20.00       | 8.28          | 24.99           | 16.71       |
| <b>GBK</b><br>L = 32<br>P = 31 | 8.77          | 25.58           | 16.81       | 5.45          | 19.29           | 13.81       |
| Jumlah L = 60; P = 65          |               |                 |             |               |                 |             |

Secara umumnya, analisis deskriptif dalam Jadual 2 di atas menunjukkan peningkatan skor min pencapaian kemahiran bacaan awal bahasa Melayu di antara



murid lelaki dengan perempuan yang mengikuti Kaedah KVB dan Kaedah GBK. Dalam analisis tersebut didapati peningkatan skor min murid lelaki lebih tinggi (20.0) berbanding murid perempuan (16.71), bagi Kaedah KVB. Keadaan yang sama juga ditunjukkan bagi Kaedah GBK, iaitu skor min murid lelaki lebih tinggi dari murid perempuan. Namun begitu, perbezaan peningkatan skor min adalah kecil sahaja.

Ujian multivariat Wilk's Lambda pada Jadual 3 menunjukkan tidak terdapat perbezaan skor min kemahiran bacaan awal yang signifikan antara murid lelaki dan perempuan. Oleh itu, pencapaian kemahiran bacaan awal murid prasekolah sama ada lelaki atau perempuan adalah sama dan hipotesis nul seperti berikut diterima:

- Ho2. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor min dalam kemahiran bacaan awal bahasa Melayu antara murid lelaki dan perempuan yang mengikuti Kaedah KVB dan Kaedah GBK.

**Jadual 3: Perbandingan kemahiran bacaan awal mengikut jantina**

| Kesan           | Nilai         | F   | Sig. | Kuasa Dua Eta |
|-----------------|---------------|-----|------|---------------|
| Jantina         | Wilks' Lambda | .96 | 1.25 | .29           |
| .04             |               |     |      |               |
| Kaedah KVB = 62 |               |     |      |               |
| Kaedah GBK = 63 |               |     |      |               |

- ii. Korelasi antara kemahiran bacaan suku kata terbuka dengan suku kata tertutup bagi murid yang mengikuti Kaedah KVB dan murid yang mengikuti Kaedah GBK.

Kemahiran bacaan suku kata terbuka bermaksud kemahiran membatang (*transcate*) suku kata setiap perkataan yang terdiri daripada suku kata terbuka tanpa mengeja huruf satu persatu. Murid akan membaca suku kata dan membina perkataan bermakna. Bacaan suku kata tertutup pula bermaksud kemahiran membatang suku kata setiap perkataan yang terdiri daripada suku kata tertutup tanpa /ng/, suku kata tertutup+/ng/, suku kata dengan hentian glotis atau plosif velar bersuara /g/, termasuk juga diftong, vokal berganding dan konsonan bergabung. Kemahiran bacaan suku kata terbuka dan suku kata tertutup adalah berdasarkan kepada skor Ujian Kemahiran Bacaan Awal.

Bagi tujuan mengenal pasti korelasi antara pencapaian kemahiran bacaan suku kata terbuka dan suku kata tertutup, data dianalisis mengikut pembahagian kemahiran seperti dalam Jadual 4 di bawah.

**Jadual 4: Korelasi antara pencapaian kemahiran suku kata terbuka dengan suku kata tertutup Kaedah KVB**

| Kemahiran<br>Bacaan Awal |                    | Suku Kata Tertutup     |                    |                    |                                      |
|--------------------------|--------------------|------------------------|--------------------|--------------------|--------------------------------------|
|                          |                    | Tertutup<br>tanpa /ng/ | Tertutup<br>+ /ng/ | Hentian<br>Glottis | Diftong dan<br>konsonan<br>bergabung |
| Suku Kata<br>Terbuka     | Pekali<br>Korelasi | .741**                 | .732**             | .715**             | .667**                               |
|                          | Sig.<br>(2-hala)   | .000                   | .000               | .000               | .000                                 |
| n=62                     |                    |                        |                    |                    |                                      |

\*\*Aras keertian korelasi ialah 0.01 (2-hala)

Dalam Jadual 4, analisis korelasi Pearson menunjukkan korelasi antara suku kata terbuka dengan suku kata tertutup bagi Kaedah KVB adalah signifikan pada aras keertian 0.01. Nilai  $r(62)$  bagi kemahiran bacaan suku kata tertutup tanpa /ng/ ialah 0.741 ( $p=0.000$ ), suku kata tertutup dengan /ng/ 0.732 ( $p=0.000$ ), suku kata tertutup dengan hentian glottis 0.715 ( $p=0.000$ ) dan suku kata diftong dan konsonan bergabung ialah 0.667 ( $p=0.000$ ).

**Jadual 5: Korelasi antara pencapaian kemahiran suku kata terbuka dengan suku kata tertutup Kaedah GBK**

| Kemahiran<br>Bacaan<br>Awal |                        | Suku Kata Tertutup    |                  |                    |                                      |
|-----------------------------|------------------------|-----------------------|------------------|--------------------|--------------------------------------|
|                             |                        | Tertutup<br>tanpa/ng/ | Tertutup<br>+ng/ | Hentian<br>Glottis | Diftong dan<br>konsonan<br>bergabung |
| Suku Kata<br>Terbuka        | Pekali<br>Korelas<br>i | .750**                | .580**           | .620**             | .523**                               |
|                             | Sig.<br>(2-hala)       | .000                  | .000             | .000               | .000                                 |
| n=63                        |                        |                       |                  |                    |                                      |

\*\*Aras keertian korelasi ialah 0.01 (2-hala)

Berdasarkan Jadual 5, analisis korelasi Pearson menunjukkan korelasi di antara suku kata terbuka dengan suku kata tertutup bagi Kaedah GBK adalah signifikan pada aras keertian 0.01. Nilai  $r(63)$  bagi suku kata tertutup tanpa /ng/ ialah 0.750 ( $p=0.000$ ) suku kata tertutup dengan /ng/ 0.580 ( $p=0.000$ ), suku kata tertutup dengan hentian glottis 0.620 ( $p=0.000$ ) dan suku kata diftong dan konsonan bergabung ialah 0.523 ( $p=0.000$ ).

Keputusan analisis korelasi menunjukkan terdapat korelasi yang signifikan di antara pencapaian suku kata terbuka dengan suku kata tertutup, iaitu bagi kemahiran suku kata tertutup tanpa /ng/, suku kata tertutup glotis serta suku kata tertutup vokal dan konsonan berganding. Kedua-dua kaedah telah menunjukkan dapatan yang sama. Dengan itu, hipotesis nul seperti berikut ditolak.

- Ho<sub>3</sub> Tidak terdapat korelasi yang signifikan di antara kemahiran bacaan suku kata terbuka dengan suku kata tertutup bagi kanak-kanak yang mengikuti Kaedah KVB dan Kaedah GBK.

### Dapatan Kajian dan Perbincangan

Ujian multivariat Wilks' Lambda menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara peningkatan skor min mengikut kaedah-kaedah yang dikaji. Oleh itu, dapatan ini menunjukkan kaedah yang berbeza menghasilkan pencapaian kemahiran bacaan awal yang berbeza. Namun begitu, saiz kesan yang ditunjukkan oleh ujian statistik antara Kaedah KVB dan GBK adalah kecil. Secara deskriptif, skor min pencapaian kemahiran bacaan awal murid yang mengikuti Kaedah KVB adalah lebih tinggi berbanding dengan skor min murid-murid yang mengikuti Kaedah GBK. Kedua-dua kaedah ini berasaskan kepada pendekatan kognitif, menekankan konsep dan berstruktur. Bagaimanapun, peringkat awal pengajaran kemahiran bacaan awal, Kaedah KVB lebih menekankan diskriminasi 26 huruf rumi manakala Kaedah GBK menekankan diskriminasi huruf (3 atau 4 huruf) serta diikuti dengan membaca suku kata dan perkataan seperti contoh berikut.

Kaedah GBK : huruf vokal a, i, u ba, bi, bu, ta, ti, tu,  
Perkataan: batu, buta

Kaedah KVB Huruf rumi Huruf vokal /a/, ba, ka, sa, ..... za

Perkataan: bapa, baja, saya

Ayat: bapa saya

Aktiviti pengajaran dan pembelajaran Kaedah KVB dan Kaedah GBK bermula dengan makna atau konsep, menekankan kemahiran fonik dan diikuti dengan aktiviti latihan yang berpusatkan murid. Seperti yang dijelaskan oleh Fisher (1992), Branders dan Ginnis (1991), strategi pemusatan murid merupakan aktiviti pengajaran informal yang bermula dengan aplikasi dan melibatkan aktiviti murid dengan menekankan pengalaman mereka. Oleh itu, ahli-ahli Teori Kognitif mempercayai kemahiran mempelajari bahasa dan kemahiran bacaan bukan sekadar

mendengar, melihat, mengingat tetapi dipengaruhi oleh makna, pengalaman dan persekitaran. Namun begitu, berdasarkan contoh di atas Kaedah KVB telah menunjukkan satu kaedah yang lebih berstruktur dalam proses pengenalan huruf berbanding dengan Kaedah GBK.

Bond dan Dykstra (1997) pula mendapati kaedah '*initial teaching alphabet*' (i.t.a) bagi pengajaran bahasa Inggeris dapat membantu murid gred satu membaca. Mereka dapat membaca dengan cepat dan tepat, memahami dan dapat mengenal pasti lebih banyak perkataan berbanding menggunakan kaedah-kaedah lain seperti fonik dan Kaedah Linguistik. Kaedah i.t.a mendedahkan kemahiran diskriminasi huruf kepada murid melalui diskriminasi huruf (besar dan kecil) secara sistematik. Kemahiran ini mengaitkan antara percakapan dan ejaan. Kaedah i.t.a juga digunakan dalam Kaedah Seluruh Perkataan dan fonik. Kaedah i.t.a yang dijelaskan oleh Bond dan Dykstra (1997) mempunyai ciri-ciri Kaedah Abjad dalam pengajaran kemahiran bacaan awal bahasa Melayu. Dengan itu, kaedah yang menekankan abjad lebih baik dalam membantu kemahiran bacaan awal murid prasekolah.

Maklum balas temu bual dengan guru-guru prasekolah mendapati bacaan suku kata secara kawalan vokal (ba, sa, ka...za) lebih mudah digunakan untuk membina perkataan berbanding dengan kawalan konsonan (ba, bi, be, bo) walaupun kebanyakan murid suka mengeja dan diikuti dengan membatang.

Dapatan kajian Norliza (1995) selaras dengan maklum balas yang diberikan oleh guru-guru prasekolah yang terlibat dalam kajian ini, iaitu gabungan bunyi vokal dan konsonan yang diikuti dengan perkataan memberikan tekanan kepada murid. Hasil kajian Kjelden, Niemi dan Olofson (2003) mendapati cara guru melaksanakan pendedahan fonologi akan memberikan kesan yang berbeza. Dengan itu, latihan diskriminasi huruf, suku kata dan fonem secara berstruktur dan sistematik akan menunjukkan kesedaran fonologi yang lebih baik. Namun begitu, kemahiran bacaan dan kefahaman bukan sekadar ditentukan oleh kaedah semata-mata. Latar belakang murid dari aspek penguasaan bahasa lisan dan perbendaharaan kata merupakan faktor penyumbang kepada kemahiran bacaan dan kefahaman. Oleh itu, kefahaman makna dan konsep akan membantu kanak-kanak mengingat dengan lebih mudah (Atan Long, 1982; Berk, 1997). Bagaimanapun, pengaruh faktor lain juga perlu diambil kira bagi memastikan sesuatu kaedah yang digunakan oleh guru adalah berkesan.

Dari aspek perbezaan jantina pula, dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan di antara murid lelaki dengan murid perempuan bagi kemahiran bacaan awal bahasa Melayu, sama ada Kaedah KVB mahupun Kaedah GBK. Oleh itu, berdasarkan analisis inferens dapat dijelaskan bahawa tidak terdapat kesan interaksi yang signifikan di antara kaedah dengan jantina ke atas peningkatan skor min kemahiran bacaan awal. Mengikut Byrnes (2001), semenjak tahun 1960-an hanya 16 kajian yang berkaitan dengan kemahiran bacaan awal dan perbezaan jantina yang telah dikenal pasti. Kajian lepas secara umumnya menunjukkan tidak

terdapat perbezaan yang signifikan di antara kanak-kanak lelaki dengan perempuan. Namun begitu, dapatan kajian menunjukkan nilai saiz perbezaan adalah kecil. Dapatan kajian ini selaras dengan hasil kajian Nani (2000) dan Sofiah (1983), iaitu tidak terdapat perbezaan dalam kemahiran membaca murid lelaki dan perempuan. Oleh itu, kajian ini telah menyokong kajian lepas yang menunjukkan tidak terdapat perbezaan antara jantina dalam pencapaian kemahiran bacaan awal dalam kalangan murid prasekolah. Walau bagaimanapun, Browne (1996, dalam Campbell, 2002) menegaskan bahawa perbandingan jantina dalam perkembangan bahasa dan celik huruf merupakan isu kompleks.

Ujian bacaan suku kata terbuka dan suku kata tertutup dan membina perkataan bermakna merupakan ujian bahagian kedua kemahiran bacaan awal. Proses pengajaran dan pelaksanaan ujian bermula daripada mudah kepada yang lebih kompleks. Kenyataan ini dijelaskan sebagai proses perkembangan pembelajaran kanak-kanak seperti berikut, *'simple to complex, known to unknown, self to other, whole to part, concrete to abstract, enactive to symbolic, exploratory to goal directed, inaccurate to more accurate, impulsive to self-controlled'* (Kostelnik, Soderman & Whiren, 1993, hlm. 57).

Selaras dengan itu, analisis statistik korelasi bacaan suku kata terbuka dan bacaan suku kata tertutup bertujuan melihat kekuatan korelasi di antara variabel pencapaian kemahiran bacaan suku kata terbuka (mudah) dengan pencapaian bacaan suku kata tertutup (lebih sukar). Bacaan suku kata terbuka dan perkataan bermakna merupakan peringkat kemahiran bacaan awal yang lebih mudah berbanding dengan bacaan suku kata tertutup yang agak kompleks. Kemahiran membaca suku kata terbuka dan suku kata tertutup sangat diperlukan dalam proses pembelajaran bacaan awal kerana kemahiran ini dapat membantu kanak-kanak membaca, mentafsir perkataan, dan menjadi prasyarat dalam kemahiran membaca (Hempenstall, 1997; Rubin, 1993).

Oleh itu, dapatan kajian ini menunjukkan terdapat korelasi signifikan di antara pembelajaran yang lebih mudah (suku kata terbuka) dengan kemahiran yang lebih kompleks (suku kata tertutup), bagi Kaedah GBK dan Kaedah KVB. Murid-murid perlu mempunyai asas di peringkat yang lebih mudah sebelum mempelajari kemahiran yang lebih kompleks. Teori ini telah dikemukakan oleh Piaget dalam perkembangan kognitif dan perkembangan bahasa kanak-kanak.

Dengan itu, dapatlah dirumuskan bahawa kemahiran bacaan suku kata terbuka mempunyai korelasi yang signifikan dengan kemahiran suku kata tertutup. Kanak-kanak yang dapat membaca suku kata terbuka yang lebih mudah akan dapat membaca suku kata tertutup yang lebih sukar.

## Kesimpulan

Kesimpulannya, terdapat perbezaan skor min yang signifikan bagi pencapaian kemahiran diskriminasi huruf, bacaan suku kata serta bacaan dan kefasihan bagi

kaedah-kaedah yang berbeza. Perbezaan peningkatan skor min dalam pencapaian kemahiran bacaan awal antara kanak-kanak lelaki dengan perempuan mengikut kaedah-kaedah yang berbeza didapati tidak signifikan. Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat korelasi yang signifikan di antara bacaan suku kata terbuka dengan suku kata tertutup mengikut kaedah-kaedah yang berbeza.

## **Bibliografi**

- Adams, M.J. 1990. *Beginning to Read: Thinking and Learning about Print*. Cambridge, MA: Bolt, Beranek and Newman Inc.
- Bigge, M.C. 1992. *Learning Theories for Teachers*. NY: HarperCollin Pub.
- Bigge, and Shermis, 2004. *Learning Theory*. [Online]. [Diakses pada 18 Okt. 2004]. Diperoleh daripada World Wide Web: <http://www2.misstate.edu/~mbh/learn.doc>
- Cohen, J. 1988. *Statistical Power Analysis for the Behavior Sciences* (2<sup>nd</sup> ed.). Hillside, NJ: Erlbaum.
- Dickinson, D.K. 1994. *Bridges to Literacy*. Cambridge: Blackwell.
- Fisher, R. 1992. *Early Literacy and the Teacher*. London: Hodder & Staughton.
- Gingold, C. J. 2000. A Comparison of the Impact of a Computer Based Program with the Impact of Traditional Instructional Methods on Emergent Reading Skills of Prekindergarteners. Thesis for the Degree of Doctor of Education in Professional Studies. Ann Arbor: Bell & Howell Information and Learning Company.
- Hempenstall, K. 1997. *The Role of Phonemic Awareness in Beginning Reading: A Review*. *Behavior Change*, 14(4), 201-14. [Online]. [Diakses pada 9 Sept. 2004]. Diperoleh daripada World Wide Web: [http://www.educationnews.org/phonemic\\_awareness\\_what\\_does\\_it\\_.htm](http://www.educationnews.org/phonemic_awareness_what_does_it_.htm)
- Juriah Long. 1993. *Pemerolehan Imbuhan pada Peringkat Prasekolah dan Implikasi Terhadap Pendidikan Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pelajaran. 1975. *Penyiasatan Mendalam Berhubung Kaedah yang Sesuai bagi Mengajar Bacaan dalam Bahasa Melayu: Sukatan Pelajaran Bahasa Malaysia untuk Sekolah Rendah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 1995. *Huraian Sukatan Pelajaran KBSR Bahasa Melayu. SK/SRK Tahun 1*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 1999. *Kurikulum Pendidikan Prasekolah* Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2001. *Kurikulum Kebangsaan Prasekolah* (Edisi Percubaan). Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2003. *Kurikulum Prasekolah Kebangsaan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2006. *Program Kelas Intervensi Awal Membaca dan Menulis (KIA2M) Tahun Satu*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Maznah Ab. Rahman. 1994. *Pengukuhan dalam Bacaan untuk Kanak-kanak Pemulihan*. Klang: Melindo Pub.
- Noraihan Sallehudin. 1975. "Terus Membaca I dan II". Dalam Sofiah Hamid. 1983. *Bacaan Bahasa Melayu di Peringkat Sekolah Rendah*: Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- Noran Fauziah Yaakub. 1983. *Panduan Penilaian Bacaan Asas KBSR*. Kuala Lumpur: Limma Enterprise.
- Norliza Husin. 1995. "Masalah Penguasaan Bahasa Melayu di Kalangan Kanak-kanak Prasekolah." Tesis M.Ed. Kuala Lumpur: UM (Tidak diterbitkan).
- Rubin, D. 1993. *A Practical Approach to Teaching*. USA: Allyn and Bacon.
- Slavin, R.E.C. 1992. *Research Methods in Education*. Boston: Allyn and Bacon.
- Sofiah Hamid. 1983. *Bacaan Bahasa Melayu di Peringkat Sekolah Rendah*: Kuala Lumpur: Utusan Publication.

**HUBUNGAN KEPIMPINAN INSTRUKSIONAL GURU BESAR  
DENGAN KEBERKESANAN PENGAJARAN GURU  
DISEKOLAH-SEKOLAH PULAU DI  
DAERAH SEMPORNA, SABAH**

Abdul Said Ambotang, Mohd Yusof Abdullah,  
Omar Abdul Laja & Mohd Sobri Ismail

**ABSTRAK**

*Kajian ini bertujuan mengenal pasti hubungan kepimpinan pengajaran guru besar dengan keberkesanan pengajaran guru di sekolah-sekolah pulau di daerah Semporna, Sabah. Hasil kajian disampaikan secara deskriptif melalui ujian-ujian yang dijalankan. Kajian ini menunjukkan kepimpinan pengajaran guru besar berhubungan secara positif dengan keberkesanan pengajaran guru bagi mewujudkan sekolah berkesan. Data kajian dikumpul menggunakan soal selidik dan dianalisis menggunakan SPSS 12. Ujian yang dijalankan ialah kekerapan, min, purata min, sisihan piawai, ANOVA dan korelasi Pearson. Selain itu, ujian yang dilakukan juga bertujuan menguji penerimaan atau penolakan hipotesis kajian. Soalan-soalan kajian yang dibentuk bertujuan untuk mengenal pasti kekuatan hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah. Dapatan menunjukkan kekerapan guru besar menjalankan tugas melalui kepimpinan pengajaran adalah pada min 2.87 (kadang-kadang ataupun tidak kerap) manakala kekerapan keberkesanan pengajaran guru ialah min purata 3.02 (kerap tetapi tidak terlalu kerap). Analisis ANOVA pula mendapati tidak wujud perbezaan terhadap persepsi guru-guru mengenai kepimpinan pengajaran dan keberkesanan pengajaran iaitu pada nilai signifikan item kajian yang lebih besar daripada nilai 0.05 ( $p > 0.05$ ), yakni tidak terdapat perbezaan yang signifikan. Analisis korelasi Pearson pula menunjukkan terdapat hubungan positif di antara kepimpinan pengajaran guru besar dengan keberkesanan pengajaran guru-guru kerana nilai signifikannya ialah 0.001, iaitu lebih kecil daripada aras signifikan yang ditetapkan iaitu  $0.01/2 = 0.00$  manakala pekali korelasi ialah 0.7 yang menunjukkan wujud perhubungan positif menggambarkan terdapat dua petunjuk penting dalam menjalankan perubahan ke arah sekolah efisien.*

**Pengenalan**

Dunia sentiasa pantas berkembang maju dalam menerima pengaruh mengikut peredaran zaman dan kemajuan teknologi. Dalam konteks ini, pendidikan di Malaysia turut berubah selari dengan perkembangan teknologi dan maklumat pada hari ini.



Perubahan pendidikan di negara kita telah berlaku dalam dua dimensi yang mengikut zamannya. Dimensi yang pertama berlaku pada zaman sebelum merdeka dan awal tahun 1960-an, berkaitan dengan matlamat pendidikan untuk memberikan pendidikan secara percuma kepada setiap pelajar. Dimensi yang kedua, matlamat pendidikan adalah untuk mencapai kualiti pendidikan dan pendidikan bertaraf dunia yang menekankan kos *effectiveness* dan akauntabiliti. Dimensi kedua ini masih relevan sehingga kini dan menuntut kerationalan peranan guru besar yang merupakan pelaksana terhadap dasar dan sistem pendidikan negara. Berkaitan hal ini, isu yang timbul ialah wujudnya sekolah yang tidak berkesan kerana guru besar menjadi pemimpin ortodoks yang tidak mengikut peredaran zaman, malahan hanya melaksanakan kerja-kerja rutin pengurusan berbanding menjadi pemimpin sama ada berfungsi sebagai pemimpin transformasi dan pemimpin pengajaran. Hal ini berhubungan secara langsung dengan keberkesanan pengajaran guru kerana jika guru besar tidak menjalankan kepimpinan pengajarannya, adakah guru akan melaksanakan pengajaran yang berkesan? Senario seperti ini akan menyebabkan sekolah menjadi tidak berkesan kerana prestasi akademik sentiasa kurang baik atau rendah. Keadaan ini perlu diselidiki memandangkan sekolah kini mengharapkan kepimpinan guru besar yang berkesan dan juga pengajaran guru yang efisien.

## Latar Belakang Kajian

Menurut Rashdi dalam Ayob (2004), isu keberkesanan kepimpinan guru besar banyak dibincangkan sejak akhir-akhir ini dan diselidiki oleh pengkaji tempatan mahupun luar negara. Namun, kajian dan perbincangan terhadap isu itu tetap segar, menarik dan relevan pada setiap masa kerana sistem pendidikan setiap negara mahu mewujudkan sekolah yang berkesan sepanjang masa. Sekolah berkesan lahir daripada kepimpinan yang berkesan, justeru kepimpinan pengajaran adalah antara agenda penting dalam arena pendidikan negara hari ini. Menurut Rashdi dalam Ayob (2004), keberkesanan kepimpinan guru besar berkait rapat dengan kompetensi, iaitu keupayaan guru besar melaksanakan tugas dan tanggungjawab mengikut piawaian yang ditetapkan. Salah satu piawaian ialah mencapai tahap kepimpinan pengajaran. Guru besar adalah individu yang paling penting dan berpengaruh dalam sesebuah sekolah. Mereka berperanan sebagai seorang yang bertanggungjawab terhadap semua aktiviti yang berlaku di sekolah. Corak kepimpinan mereka berupaya menetapkan budaya sekolah yang berkesan dan cemerlang, sekali gus memberi keutamaan terhadap masa depan para pelajar. Selain itu, mereka berperanan sebagai penghubung utama antara sekolah dengan komuniti. Jadi, mereka berupaya mempengaruhi sikap ibu bapa dan pelajar terhadap sekolah. Menurut Ramaiah (1999), peranan guru besar kini bertambah kompleks dan sukar selain berubah mengikut perkembangan semasa. Salah satu faktor yang menyebabkan perubahan sedemikian ialah kerana keperluan guru besar untuk

melibatkan diri dalam proses pengajaran dan memberikan tumpuan yang lebih terhadap pengurusan sekolah.

### **Objektif Kajian**

Secara umumnya, objektif kajian ini adalah untuk melihat persepsi para guru terhadap kepimpinan pengajaran guru besar dan keberkesanan pengajaran mereka. Kajian ini juga akan melihat hubungan yang signifikan antara kedua-dua pemboleh ubah tersebut. Objektif-objektif khusus kajian ini adalah seperti yang berikut:

1. Menentukan guru besar melakukan kepimpinan pengajaran secara sederhana atau kadang-kadang di sekolah-sekolah kajian.
2. Menentukan guru-guru melakukan kepimpinan pengajaran secara sederhana atau kadang-kadang di sekolah-sekolah kajian.
3. Mengenal pasti perbezaan persepsi guru ke atas kepimpinan pengajaran guru besar dalam aspek pentakrifan matlamat sekolah.
4. Mengenal pasti perbezaan persepsi guru ke atas kepimpinan pengajaran guru besar dalam aspek pengurusan program pengajaran dan pembelajaran di sekolah.
5. Mengenal pasti perbezaan persepsi guru ke atas kepimpinan pengajaran guru besar dalam aspek pemupukan iklim pengajaran dan pembelajaran di sekolah.
6. Mengenal pasti perbezaan persepsi guru-guru ke atas keberkesanan pengajaran mereka yang dapat dipengaruhi oleh peranan guru besar sebagai pemimpin pengajaran.
7. Mengenal pasti hubungan melalui persepsi guru-guru terhadap kepimpinan pengajaran guru besar dengan keberkesanan pengajaran guru di sekolah-sekolah kajian.

### **Kepentingan Kajian**

Kelemahan dalam pengurusan kurikulum atau kepimpinan dalam pengajaran tidak akan menyebabkan seseorang guru besar menerima tindakan tatatertib kerana tindakan tersebut tidak dikuatkuasakan, sebaliknya kelemahan dan kecurangan dalam pengurusan kewangan, perhubungan masyarakat, *boundary management* dan seumpamanya boleh menyebabkan mereka dikenakan tindakan tatatertib, turun pangkat atau dipindahkan serta merta ke tempat-tempat lain (Robiah, 1989). Walaupun guru besar terikat dengan risiko tersebut, mereka tidak dianggap mengabaikan kepimpinan pengajaran. Hanya *boundary management* yang menjejaskan kredibiliti mereka sedangkan pengabaian kepimpinan pengajaran akan mendatangkan kesan

buruk terhadap guru dan prestasi pelajar. Sehubungan itu, kajian ini berharap guru besar akan memperoleh manfaat, khususnya mendapat kesedaran supaya tidak mengabaikan kepimpinan pengajaran dan menggunakan dapatan kajian untuk memperbaiki segala kelemahan ketika menjalankan tugas sebagai teraju utama di sekolah.

Menurut Pekeliling Pentadbiran 3/67 (pindaan 1982), guru besar dikehendaki mengajar di dalam bilik darjah sekurang-kurangnya lima waktu seminggu. Ketetapan ini menunjukkan mereka perlu mengajar dengan berkesan sekali gus memimpin pengajaran. Rasionalnya, fungsi sekolah sebagai pusat perkembangan ilmu perlu sentiasa berterusan. Oleh itu, melalui kajian ini guru besar akan menyedari bahawa tugas utama mereka di sekolah ialah memimpin pengajaran dan bukan hanya menjalankan urusan pentadbiran pejabat. Guru besar harus sentiasa mengutamakan aktiviti memperkembangkan ilmu di sekolah. Kajian ini penting kepada Jabatan Pelajaran Daerah kerana jabatan ini dapat menggunakan dapatan kajian untuk guru besar menjalankan peranan utama mereka sebagai pemimpin pengajaran di sekolah masing-masing. Selain itu, Jabatan Pelajaran Negeri juga akan dapat menggunakan hasil kajian ini untuk merangka beberapa program yang bermanfaat kepada guru besar bagi memastikan mereka tidak mengabaikan tugas memperkembangkan ilmu ketika mereka sibuk dengan tugas-tugas pentadbiran yang lain. Program-program tersebut perlu menjurus kepada latihan kemahiran untuk guru besar sebagai pemimpin pengajaran supaya fungsi sekolah sebagai pusat perkembangan ilmu dan melahirkan sumber manusia yang berkualiti akan sentiasa terpelihara.

Guru besar mempunyai beban kerja yang banyak. Keadaan ini menyebabkan peranan mereka dalam memimpin pengajaran kurang diberi perhatian. Menurut Vetter (dalam Fadzilah Md. Noor, 1990), ramai guru besar yang bekerja keras dan menggunakan banyak masa untuk mengatasi bebanan kerja. Usaha ini merupakan satu cara bagi mereka untuk menyelesaikan kerja yang banyak sehinggakan kadangkala terpaksa diselesaikan di luar waktu pejabat. Maka, kajian ini sekurang-kurangnya perlu kepada guru-guru yang berada dalam tanggungjawab guru besar. Mereka akan menyedari bahawa guru besar memikul tugas yang amat berat. Oleh itu, jika mereka tidak memberikan kerjasama kerana tidak berpuas hati dengan pentadbiran guru besar, maka sekolah akan pincang dan menjadi tidak efektif yang secara langsung turut mempengaruhi imej guru-guru berkenaan. Oleh yang demikian, semangat 'hati gajah sama dilapah, hati nyamuk sama dicecah' haruslah sentiasa dipupuk di sekolah. Kajian ini juga akan bermanfaat kepada guru-guru sekiranya mereka mengambil alih jawatan guru besar suatu hari nanti. Mereka akan menyedari bahawa mereka mesti menjalankan peranan sebagai pemimpin pengajaran dan sentiasa mengamalkan amalan menyebarluaskan ilmu di sekolah. Kepentingan-kepentingan kajian yang dinyatakan di atas adalah persepsi penyelidik mengenai keperluan sesebuah sekolah merealisasikan hasrat yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) sekali gus menjadi sekolah berkesan dan memiliki akses yang tinggi terhadap pendidikan.

**Dapatan Kajian****Jadual 1: Persepsi guru terhadap kepimpinan pengajaran guru besar dalam aspek pentakrifan matlamat sekolah**

| Item | N   | Minimum | Maksimum | Min  | Sisihan Piawai |
|------|-----|---------|----------|------|----------------|
| b4   | 156 | 1       | 4        | 2.91 | .757           |
| b5   | 156 | 1       | 4        | 3.03 | .757           |
| b6   | 156 | 1       | 4        | 2.92 | .783           |
| b7   | 156 | 1       | 4        | 3.00 | .736           |
| b8   | 156 | 1       | 4        | 2.92 | .795           |
| b9   | 156 | 1       | 4        | 2.91 | .774           |

Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1, guru-guru memberikan persepsi peranan kepimpinan pengajaran guru besar dalam aspek pentakrifan matlamat sekolah dalam julat min 2.91 hingga 3.03. Bagi peranan guru besar dalam item b4 iaitu merujuk data pencapaian akademik bersama-sama dengan guru-guru untuk membentuk matlamat sekolah, nilai min ialah 2.91 iaitu dalam persetujuan persepsi kadang-kadang. Sementara itu, bagi peranan guru besar dalam item b5 iaitu membentuk matlamat sekolah dan mempromosikan matlamat tersebut untuk dicapai oleh semua pelajar, nilai min ialah 3.03 iaitu dalam persetujuan persepsi kerap.

Bagi peranan guru besar dalam item b6 iaitu menjelaskan matlamat pendidikan kepada setiap bidang di sekolah, nilai min ialah 2.92 iaitu dalam persetujuan persepsi kadang-kadang manakala bagi peranan guru besar dalam item b7 iaitu membentuk matlamat sekolah yang baik berasaskan tanggungjawab, jangka masa dan juga kriteria yang boleh dinilai, nilai min ialah 3.00 iaitu dalam persetujuan persepsi kerap. Bagi peranan guru besar dalam item b8 iaitu mempromosikan matlamat akademik di sekolah kepada semua pelajar, nilai min ialah 2.92 iaitu dalam persetujuan persepsi kadang-kadang. Sementara itu, bagi peranan guru besar dalam item b9 iaitu mengambil kira matlamat sekolah apabila membuat keputusan mengenai akademik, nilai min ialah 2.91 iaitu dalam persetujuan persepsi kadang-kadang. Kesimpulannya, persepsi responden mengenai peranan kepimpinan pengajaran guru besar dalam pentakrifan matlamat sekolah adalah kadang-kadang sahaja kerana purata min adalah sebanyak 2.94.

## Pengurusan Program Pengajaran dan Pembelajaran

Jadual 2 menunjukkan persepsi guru terhadap kekerapan guru besar di sekolah-sekolah pulau di daerah Semporna melaksanakan kepemimpinan pengajaran dalam aspek pengurusan program pengajaran dan pembelajaran.

**Jadual 2: Persepsi guru terhadap kepimpinan pengajaran guru besar dalam aspek pengurusan program pengajaran dan pembelajaran**

| Item | N   | Minimum | Maksimum | Min  | Sisihan Piawai |
|------|-----|---------|----------|------|----------------|
| b10  | 156 | 1       | 4        | 2.83 | .813           |
| b11  | 156 | 1       | 4        | 2.70 | .799           |
| b12  | 156 | 1       | 4        | 2.71 | .795           |
| b13  | 156 | 1       | 4        | 2.82 | .774           |
| b14  | 156 | 1       | 4        | 2.73 | .756           |
| b15  | 156 | 1       | 4        | 2.79 | .716           |
| b16  | 156 | 1       | 4        | 2.90 | .772           |
| b17  | 156 | 1       | 4        | 2.88 | .827           |

Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2, guru-guru memberikan persepsi peranan kepimpinan pengajaran guru besar dalam aspek pengurusan program pengajaran dan pembelajaran dalam julat min 2.70 hingga 2.90. Bagi peranan guru besar dalam item b10 iaitu sentiasa melawat kelas-kelas bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran berjalan selaras dengan matlamat sekolah, nilai min ialah 2.83 iaitu dalam persetujuan persepsi kadang-kadang. Sementara itu, bagi peranan guru besar dalam item b11 iaitu menilai pengajaran guru untuk penambahbaikan dalam amalan pengajaran dan pembelajaran, nilai min ialah 2.70 iaitu dalam persetujuan persepsi kadang-kadang.

Bagi peranan guru besar dalam item b12 iaitu memastikan bahan-bahan sokongan untuk kurikulum adalah selaras dengan matlamat sekolah, nilai min ialah 2.71 iaitu dalam persetujuan persepsi kadang-kadang manakala bagi peranan guru besar dalam item b13 iaitu menekankan keselarasan masa untuk kurikulum di pelbagai peringkat, nilai min ialah 2.82 iaitu dalam persetujuan persepsi kadang-kadang. Bagi peranan guru besar dalam item b14 iaitu memantau kurikulum di kelas bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran selaras dengan piawaian yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran, nilai min ialah 2.73 iaitu dalam persetujuan persepsi kadang-kadang manakala bagi peranan guru besar dalam item b15 iaitu memastikan data pencapaian pelajar digunakan sebagai sumber rujukan oleh setiap bidang bagi membincangkan program pengajaran dan pembelajaran, nilai min ialah 2.79 iaitu dalam persetujuan persepsi kadang-kadang. Sementara itu, bagi peranan guru besar dalam item b16 iaitu memastikan data

kemajuan akademik lengkap untuk semua pelajar, nilai min ialah 2.90 iaitu dalam persetujuan persepsi kadang-kadang.

Bagi peranan guru besar dalam item b17 iaitu menggalakkan guru menggunakan analisis data untuk memantau kemajuan akademik pelajar, nilai min ialah 2.88 iaitu dalam persetujuan persepsi kadang-kadang. Kesimpulannya, persepsi responden mengenai peranan kepimpinan pengajaran guru besar dalam pengurusan program pengajaran dan pembelajaran adalah kadang-kadang sahaja kerana purata min ialah 2.79.

### **Pemupukan Iklim Pengajaran dan Pembelajaran yang Kondusif**

Jadual 3 menunjukkan persepsi guru terhadap kekerapan guru besar di sekolah-sekolah pulau di daerah Semporna melaksanakan kepimpinan pengajaran dalam aspek pemupukan iklim pengajaran dan pembelajaran yang kondusif.

**Jadual 3: Persepsi guru terhadap kepimpinan pengajaran guru besar dalam aspek pemupukan iklim pengajaran dan pembelajaran yang kondusif**

| Item | N   | Minimum | Maksimum | Min  | Sisihan Piawai |
|------|-----|---------|----------|------|----------------|
| b18  | 156 | 1       | 4        | 2.99 | .783           |
| b19  | 156 | 1       | 4        | 2.69 | .832           |
| b20  | 156 | 1       | 4        | 2.96 | .806           |
| b21  | 156 | 1       | 4        | 2.71 | .850           |
| b22  | 156 | 1       | 4        | 2.94 | .867           |
| b23  | 156 | 1       | 4        | 3.07 | .843           |
| b24  | 156 | 1       | 4        | 2.79 | .855           |
| b25  | 156 | 1       | 4        | 3.07 | .804           |
| b26  | 156 | 1       | 4        | 2.98 | .838           |
| b27  | 156 | 1       | 4        | 2.79 | .840           |
| b28  | 156 | 1       | 4        | 2.88 | .857           |
| b29  | 156 | 1       | 4        | 2.90 | .769           |
| b30  | 156 | 1       | 4        | 2.93 | .737           |

Seperti yang tercatat dalam Jadual 3, guru-guru memberikan persepsi peranan kepimpinan pengajaran guru besar dalam aspek pengurusan program pengajaran dan pembelajaran dalam julat min 2.69 hingga 3.07. Bagi peranan guru besar dalam item b18 iaitu memastikan masa pengajaran dan pembelajaran adalah tidak diganggu dengan aktiviti lain, nilai min ialah 2.99 iaitu dalam persetujuan persepsi kadang-kadang manakala bagi peranan guru besar dalam item b19 iaitu mengelakkan guru-guru daripada mengikuti aktiviti bukan pengajaran secara berlebihan di sekolah, nilai min ialah 2.69 iaitu dalam persetujuan persepsi kadang-kadang.

Bagi peranan guru besar dalam item b20 iaitu meronda di sekitar sekolah dan sentiasa bertanya dengan pelajar dan guru-guru mengenai akademik, nilai min ialah 2.96 iaitu dalam persetujuan persepsi kadang-kadang manakala bagi peranan guru besar dalam item b21 iaitu bekerjasama dengan pelajar mengenai tugas akademik, nilai min ialah 2.71 iaitu dalam persetujuan persepsi kadang-kadang. Bagi peranan guru besar dalam item b22 iaitu memberi maklum balas secara peribadi terhadap usaha guru, nilai min ialah 2.94 iaitu dalam persetujuan persepsi kadang-kadang manakala bagi peranan guru besar dalam item b23 iaitu memberikan pujian secara terbuka terhadap guru yang menunjukkan prestasi yang cemerlang, nilai min ialah 3.07 iaitu dalam persetujuan persepsi kerap.

Bagi peranan guru besar dalam item b24 iaitu memberi maklum balas peribadi terhadap usaha pelajar, nilai min ialah 2.79 iaitu dalam persetujuan persepsi kadang-kadang manakala bagi peranan guru besar dalam item b25 iaitu memberi pujian secara terbuka terhadap pelajar yang cemerlang, nilai min ialah 3.07 iaitu dalam persetujuan persepsi kerap. Bagi peranan guru besar dalam item b26 iaitu menggalakkan guru-guru menghadiri aktiviti pembangunan profesional yang selaras dengan matlamat sekolah nilai min ialah 2.98 iaitu dalam persetujuan persepsi kadang-kadang manakala bagi peranan guru besar dalam item b27 iaitu melengkapkan sekolah dengan program pembangunan profesional bagi memantapkan proses pengajaran dan menyediakan sumber yang mencukupi, nilai min ialah 2.79 iaitu dalam persetujuan persepsi kadang-kadang.

Bagi peranan guru besar dalam item b28 iaitu memastikan guru-guru menggunakan kursus-kursus dalaman sebagai satu peluang untuk memantapkan amalan pengajaran, nilai min ialah 2.88 iaitu dalam persetujuan persepsi kadang-kadang manakala bagi peranan guru besar dalam item b29 iaitu meletakkan satu tahap pencapaian yang tinggi yang boleh dicapai oleh semua pelajar, nilai min ialah 2.90 iaitu dalam persetujuan persepsi kadang-kadang. Bagi peranan guru besar dalam item b30 iaitu menggalakkan guru-guru menguatkuasakan pelbagai polisi untuk meningkatkan tahap akademik pelajar seperti tindakan disiplin, kerja rumah dan sebagainya, nilai min ialah 2.93 iaitu dalam persetujuan persepsi kadang-kadang. Kesimpulannya, persepsi responden mengenai peranan kepimpinan pengajaran guru besar dalam pemupukan iklim pengajaran dan pembelajaran yang kondusif adalah kadang-kadang sahaja kerana purata min ialah 2.9.

### **Rumusan dan Dapatan Data Kepimpinan Pengajaran**

Merujuk kepada Jadual 1, 2 dan 3, persepsi guru secara menyeluruh terhadap peranan guru hanya kadangkala pengajaran di sekolah-sekolah kajian adalah kadang-kadang sahaja ataupun dengan kata lain, guru besar kadang-kadang menjalankan peranan sebagai pemimpin pengajaran di sekolah. Hal ini demikian berdasarkan purata min keseluruhan bagi item kepimpinan pengajaran guru besar

iaitu sebanyak 2.87. Oleh yang demikian, hipotesis alternatif satu ( $H_A1$ ) iaitu guru besar di sekolah-sekolah pulau menjalankan kepimpinan pengajaran secara sederhana atau kadang-kadang dalam min 2.99 adalah diterima.

Seperti yang tercatat dalam Jadual 4 (rujuk Lampiran A), guru-guru memberikan persepsi mengenai keberkesanan pengajaran mereka dalam julat min 2.27 hingga 3.31.

Bagi item b31 iaitu pengajaran 'saya mudah difahami', nilai min ialah 2.97 iaitu dalam persetujuan persepsi kadang-kadang manakala bagi item b32 iaitu 'saya sentiasa membuat persediaan pengajaran dengan baik', nilai min ialah 2.98 iaitu dalam persetujuan persepsi kadang-kadang.

Bagi item b33 iaitu 'saya menggunakan contoh yang sesuai berkaitan isi pelajaran', nilai min ialah 3.12 iaitu dalam persetujuan persepsi kerap. Sementara itu, bagi item b34 iaitu alat bantu mengajar digunakan bagi membantu pemahaman pelajar terhadap pengajaran, nilai min ialah 2.83 iaitu dalam persetujuan persepsi kadang-kadang.

Bagi item b35 'iaitu perbincangan yang diadakan dapat memudahkan penguasaan pelajar terhadap pengajaran', nilai min ialah 2.97 iaitu dalam persetujuan persepsi kadang-kadang. Sementara itu, bagi item b36 iaitu 'saya memberikan respons yang baik terhadap soalan pelajar', nilai min ialah 3.10 iaitu dalam persetujuan persepsi kerap.

Bagi item b37 iaitu 'latihan bertulis dikembalikan dalam tempoh yang singkat', nilai min ialah 2.95 iaitu dalam persetujuan persepsi kadang-kadang manakala bagi item b38 iaitu 'saya sering memastikan kefahaman pelajar dengan meminta pelajar-pelajar menjawab soalan-soalan yang saya kemukakan', nilai min ialah 3.18 iaitu dalam persetujuan persepsi kerap.

Bagi item b39 iaitu 'penyampaian pengajaran saya teratur', nilai min ialah 2.97 iaitu dalam persetujuan persepsi kadang-kadang manakala bagi item b40 iaitu pengajaran 'saya telah menambahkan pengetahuan pelajar', nilai min ialah 3.10 iaitu dalam persetujuan persepsi kerap.

Bagi item b41 iaitu 'saya berasa yakin dengan pengajaran saya', nilai min ialah 3.10 iaitu dalam persetujuan persepsi kerap manakala bagi item b42 iaitu 'penyampaian pengajaran saya adalah menarik', nilai min ialah 2.86 iaitu dalam persetujuan persepsi kadang-kadang.

Bagi item b43 iaitu 'saya menggunakan kaedah pengajaran yang sesuai dengan tahap kebolehan murid', nilai min ialah 3.13 iaitu dalam persetujuan persepsi kadang-kadang. Sementara itu, bagi item b44 iaitu 'saya peka terhadap keperluan pelajar dalam pengajaran', nilai min ialah 3.06 iaitu dalam persetujuan persepsi kerap.

Bagi item b45 iaitu 'saya sangat mahir dalam bidang pengajaran saya', nilai min ialah 2.89 iaitu dalam persetujuan persepsi kadang-kadang manakala bagi item b46 iaitu 'saya dapat memotivasikan pelajar untuk menguasai pelajaran', nilai min ialah 3.02 iaitu dalam persetujuan persepsi kerap.



Bagi item b47 iaitu 'gaya pengajaran saya adalah menyenangkan pelajar', nilai min ialah 3.04 iaitu dalam persetujuan persepsi kerap manakala bagi item b48 iaitu 'hubungan saya dengan pelajar adalah baik', nilai min ialah 3.29 iaitu dalam persetujuan persepsi kerap.

Bagi item b49 iaitu 'saya kurang memberi kata perangsang semasa pengajaran', nilai min ialah 2.27 iaitu dalam persetujuan kadang-kadang. Persepsi ini sebenarnya berkenyataan negatif. Oleh itu, guru-guru sebenarnya kerap memberikan kata perangsang kepada para pelajar manakala bagi item b50 iaitu 'saya sedia membantu pelajar jika pelajar menghadapi masalah dalam pembelajarannya', nilai min ialah 3.19 iaitu dalam persetujuan persepsi kerap.

Bagi item b51 iaitu 'saya dapat mengawal kelas dengan baik', nilai min ialah 3.06 iaitu dalam persetujuan persepsi kerap manakala bagi item b52 iaitu 'bahan rujukan lanjut yang saya cadangkan sesuai untuk meningkatkan penguasaan pelajar', nilai min ialah 2.79 iaitu dalam persetujuan persepsi kadang-kadang.

Bagi item b53 iaitu 'saya mampu menyelesaikan kemusykilan pelajar terhadap pelajaran yang saya ajar', nilai min ialah 3.04 iaitu dalam persetujuan persepsi kerap manakala bagi item b54 iaitu 'saya bersemangat dalam pengajaran', nilai min ialah 3.15 iaitu dalam persetujuan persepsi kerap.

Bagi item b55 iaitu 'pengajaran saya tidak mencabar', nilai min ialah 2.37 iaitu dalam persetujuan persepsi kadang-kadang. Persepsi ini sebenarnya berkenyataan negatif. Oleh itu, guru-guru sebenarnya kerap memberikan pengajaran yang mencabar pelajar manakala bagi item b56 iaitu 'saya sedia membimbing apabila pelajar bertanya', nilai min ialah 3.26 iaitu dalam persetujuan persepsi kerap.

Bagi item b57 iaitu 'pelajar penuh min mengikuti pengajaran saya', nilai min ialah 2.98 iaitu dalam persetujuan persepsi kadang-kadang manakala bagi item b58 iaitu 'saya menguasai banyak isi pelajaran', nilai min ialah 3.03 iaitu dalam persetujuan persepsi kerap. Sementara itu, bagi item b59 iaitu 'saya menjalankan aktiviti pengajaran yang melibatkan pelajar', nilai min ialah 3.07 iaitu dalam persetujuan persepsi kerap manakala bagi item b60 iaitu 'saya memberi peluang kepada pelajar untuk berbincang tentang topik yang telah diajar', nilai min ialah 3.08 iaitu dalam persetujuan persepsi kerap.

Bagi item b61 iaitu 'saya mengawasi perjalanan aktiviti dan pembelajaran', nilai min ialah 3.22 iaitu dalam persetujuan persepsi kerap. Sementara itu, bagi item b62 iaitu 'saya menggalakkan pelajar mengemukakan idea-idea semasa pengajaran', nilai min ialah 3.17 iaitu dalam persetujuan persepsi kerap.

Bagi item b63 iaitu 'saya memberikan pujian kepada pelajar yang dapat menjawab soalan-soalan yang saya kemukakan', nilai min ialah 3.31 iaitu dalam persetujuan persepsi kerap. Sementara itu, bagi item b64 iaitu 'saya menggalakkan pelajar-pelajar berbincang secara kumpulan mengenai sesuatu topik pengajaran', nilai min ialah 3.03 iaitu dalam persetujuan persepsi kerap.

Bagi item b65 iaitu 'saya selalu memberikan penghargaan kepada pelajar yang menunjukkan kesungguhan dalam pembelajaran', nilai min ialah 3.15 iaitu dalam persetujuan persepsi kerap. Sementara itu, bagi item b66 iaitu 'pelajar sentiasa bersedia sebelum saya mengajar', nilai min ialah 2.74 iaitu dalam persetujuan persepsi kadang-kadang.

Bagi item b67 iaitu 'saya sentiasa memastikan pelajar memberikan tumpuan terhadap pengajaran saya', nilai min ialah 3.22 iaitu dalam persetujuan persepsi kerap manakala bagi item b68 iaitu 'saya menyual dengan soalan-soalan yang mudah difahami', nilai min ialah 3.25 iaitu dalam persetujuan persepsi kerap.

### **Rumusan dan Dapatan Data Keberkesanan Pengajaran**

Merujuk kepada Jadual 8, persepsi responden mengenai keberkesanan pengajaran mereka adalah kerap kerana purata min keberkesanan pengajaran ialah 3.02 atau dengan kata lain guru-guru kerap menjalankan pengajaran yang berkesan di sekolah-sekolah yang dikaji. Oleh yang demikian, hipotesis alternatif dua ( $H_{A2}$ ) iaitu guru-guru di sekolah-sekolah pulau melaksanakan pengajaran yang berkesan secara sederhana atau kadang-kadang dalam min 2.99 adalah ditolak. Sebaliknya, hipotesis nul kajian ( $H_{02}$ ) iaitu guru-guru di sekolah pulau melaksanakan pengajaran yang berkesan dalam min 3.00 adalah diterima.

### **Dapatan Khusus Kajian**

Dapatan khusus kajian dibincangkan bertujuan untuk menjawab persoalan kajian dan menentukan sama ada hipotesis kajian diterima ataupun ditolak. Sehubungan dengan itu, setelah dianalisis, dapatan data atau data-data yang menjawab persoalan dan membuktikan penerimaan hipotesis kajian dapat diterangkan seperti yang berikut:

### **Adakah terdapat perbezaan dalam persepsi guru-guru tentang kepimpinan pengajaran guru besar dalam aspek pentakrifan matlamat sekolah?**

Jadual 5 di bawah menerangkan mengenai perbezaan peranan kepimpinan pengajaran guru besar dalam aspek pentakrifan matlamat sekolah mengikut persepsi guru. Data-data ini dianalisis menggunakan kekerapan, min dan ANOVA.

**Jadual 5: Analisis perbezaan kepimpinan pengajaran guru besar dalam aspek pentakrifan matlamat sekolah**

|    | Item           | Sum of Squares | Df  | Mean Square | F    | Sig. |
|----|----------------|----------------|-----|-------------|------|------|
| b4 | Between Groups | .249           | 1   | .249        | .433 | .512 |
|    | Within Groups  | 88.495         | 154 | .575        |      |      |
|    | Total          | 88.744         | 155 |             |      |      |
| b5 | Between Groups | .021           | 1   | .021        | .036 | .851 |
|    | Within Groups  | 88.819         | 154 | .577        |      |      |
|    | Total          | 88.840         | 155 |             |      |      |
| b6 | Between Groups | .404           | 1   | .404        | .657 | .419 |
|    | Within Groups  | 94.673         | 154 | .615        |      |      |
|    | Total          | 95.077         | 155 |             |      |      |
| b7 | Between Groups | .026           | 1   | .026        | .048 | .827 |
|    | Within Groups  | 83.974         | 154 | .545        |      |      |
|    | Total          | 84.000         | 155 |             |      |      |
| b8 | Between Groups | .532           | 1   | .532        | .841 | .361 |
|    | Within Groups  | 97.385         | 154 | .632        |      |      |
|    | Total          | 97.917         | 155 |             |      |      |
| b9 | Between Groups | .022           | 1   | .022        | .037 | .847 |
|    | Within Groups  | 92.721         | 154 | .602        |      |      |
|    | Total          | 92.744         | 155 |             |      |      |

Seperti yang tercatat dalam Jadual 5, nilai signifikan item kajian yang lebih besar daripada nilai 0.05 ( $p > 0.05$ ) menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara min kepimpinan pengajaran dalam aspek pentakrifan matlamat sekolah.

Oleh yang demikian, hipotesis alternatif kajian ( $H_{A3}$ ) iaitu terdapat perbezaan yang signifikan di antara persepsi guru-guru dengan kepimpinan pengajaran guru besar dalam aspek pentakrifan matlamat sekolah adalah ditolak. Sebaliknya, hipotesis nul kajian ( $H_{03}$ ) iaitu tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara persepsi guru-guru dengan kepimpinan pengajaran guru besar dalam aspek pentakrifan matlamat sekolah adalah diterima.

**Adakah terdapat perbezaan dalam persepsi guru-guru tentang kepimpinan pengajaran guru besar dalam aspek pengurusan program pengajaran dan pembelajaran di sekolah?**

Jadual 6 di bawah menerangkan perbezaan peranan kepimpinan pengajaran guru besar dalam aspek pengurusan program pengajaran dan pembelajaran di sekolah mengikut persepsi guru. Data-data ini dianalisis menggunakan kekerapan, min dan ANOVA.

**Jadual 6: Analisis perbezaan kepimpinan pengajaran guru besar dalam aspek pengurusan program pengajaran dan pembelajaran di sekolah**

|     | Item           | Sum of Squares | df  | Mean Square | F     | Sig. |
|-----|----------------|----------------|-----|-------------|-------|------|
| b10 | Between Groups | .053           | 1   | .053        | .080  | .778 |
|     | Within Groups  | 102.274        | 154 | .664        |       |      |
|     | Total          | 102.327        | 155 |             |       |      |
| b11 | Between Groups | 1.245          | 1   | 1.245       | 1.964 | .163 |
|     | Within Groups  | 97.595         | 154 | .634        |       |      |
|     | Total          | 98.840         | 155 |             |       |      |
| b12 | Between Groups | .428           | 1   | .428        | .676  | .412 |
|     | Within Groups  | 97.591         | 154 | .634        |       |      |
|     | Total          | 98.019         | 155 |             |       |      |
| b13 | Between Groups | .019           | 1   | .019        | .031  | .860 |
|     | Within Groups  | 92.956         | 154 | .604        |       |      |
|     | Total          | 92.974         | 155 |             |       |      |
| b14 | Between Groups | .016           | 1   | .016        | .027  | .870 |
|     | Within Groups  | 88.677         | 154 | .576        |       |      |
|     | Total          | 88.692         | 155 |             |       |      |
| b15 | Between Groups | .056           | 1   | .056        | .109  | .742 |
|     | Within Groups  | 79.380         | 154 | .515        |       |      |
|     | Total          | 79.436         | 155 |             |       |      |
| b16 | Between Groups | .082           | 1   | .082        | .137  | .712 |
|     | Within Groups  | 92.277         | 154 | .599        |       |      |
|     | Total          | 92.359         | 155 |             |       |      |
| b17 | Between Groups | .069           | 1   | .069        | .100  | .753 |
|     | Within Groups  | 105.855        | 154 | .687        |       |      |
|     | Total          | 105.923        | 155 |             |       |      |

Seperti yang tercatat dalam Jadual 6, nilai signifikan item kajian yang lebih besar daripada nilai 0.05 ( $p > 0.05$ ) menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara min kepimpinan pengajaran dalam aspek pengurusan program pengajaran dengan pembelajaran di sekolah.

Oleh yang demikian, hipotesis alternatif kajian ( $H_A 4$ ) iaitu terdapat perbezaan yang signifikan di antara persepsi guru-guru dengan kepimpinan pengajaran guru besar dalam aspek pengurusan program pengajaran dan pembelajaran di sekolah ditolak. Sebaliknya, hipotesis nul kajian ( $H_0 4$ ) iaitu tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara persepsi guru-guru dengan kepimpinan pengajaran guru besar dalam aspek pengurusan program pengajaran dan pembelajaran di sekolah diterima.

**Adakah terdapat perbezaan dalam persepsi guru-guru tentang kepimpinan pengajaran guru besar dalam aspek pemupukan iklim pengajaran dan pembelajaran di sekolah?**

Jadual 7 (rujuk pada Lampiran B) menerangkan perbezaan peranan kepimpinan pengajaran guru besar dalam aspek pemupukan iklim pengajaran dan pembelajaran yang kondusif di sekolah mengikut persepsi guru. Data-data ini dianalisis menggunakan kekerapan, min dan ANOVA.

Berdasarkan Jadual 7, nilai signifikan item kajian yang lebih besar daripada nilai 0.05 ( $p > 0.05$ ) menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara min kepimpinan pengajaran dalam aspek pemupukan iklim pengajaran dengan pembelajaran yang kondusif di sekolah. Oleh yang demikian, hipotesis alternatif kajian ( $H_A5$ ) iaitu terdapat perbezaan yang signifikan di antara persepsi guru-guru dengan kepimpinan pengajaran guru besar dalam aspek pemupukan iklim pengajaran dan pembelajaran yang kondusif di sekolah ditolak. Sebaliknya, hipotesis nul kajian ( $H_05$ ) iaitu tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara persepsi guru-guru dengan kepimpinan pengajaran guru besar dalam aspek pemupukan iklim pengajaran dengan pembelajaran yang kondusif di sekolah diterima.

#### **Adakah terdapat perbezaan dalam persepsi guru-guru tentang keberkesanan pengajaran mereka?**

Jadual 8 (rujuk pada Lampiran C) menerangkan mengenai perbezaan peranan keberkesanan pengajaran guru-guru di sekolah mengikut persepsi mereka. Data-data ini dianalisis menggunakan kekerapan, min dan ANOVA.

Berdasarkan Jadual 8, nilai signifikan item kajian yang lebih besar daripada nilai 0.05 ( $p > 0.05$ ) menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara min keberkesanan pengajaran guru. Oleh yang demikian, hipotesis alternatif kajian ( $H_A6$ ) iaitu terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi guru-guru tentang keberkesanan pengajaran mereka di sekolah adalah ditolak. Sebaliknya, hipotesis nul kajian ( $H_06$ ) iaitu tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi guru-guru tentang keberkesanan pengajaran mereka di sekolah adalah diterima.


#### **Adakah terdapat hubungan di antara kepimpinan pengajaran guru besar dengan keberkesanan pengajaran guru di sekolah-sekolah kajian?**

Jadual 9 pada Lampiran D pula menerangkan tentang analisis hubungan atau korelasi di antara kepimpinan pengajaran guru besar dengan keberkesanan pengajaran guru. Data-data ini dianalisis menggunakan korelasi Pearson. Walau bagaimanapun, hanya enam data yang digambarkan dalam jadual tersebut. Hal ini demikian kerana untuk analisis ini terdapat sebanyak 65 dan ruang yang ada tidak mencukupi untuk memaparkan keseluruhan data tersebut.

Berdasarkan Jadual 9, kelihatan pekali korelasi bagi pasangan pemboleh ubah kepimpinan pengajaran guru besar dan keberkesanan pengajaran guru adalah tinggi iaitu antara 0.2 hingga 0.6. Walaupun jadual ini hanya memaparkan 6 item dalam kedua-dua pemboleh ubah tersebut, sudah memadai untuk menandakan nilai

pekali korelasi bagi kedua-dua pemboleh ubah ini akan lebih tinggi sehingga menghampiri nilai 1.

Analisis korelasi ini membuktikan bahawa pemboleh ubah kepimpinan pengajaran guru besar dan keberkesanan pengajaran guru mempunyai perhubungan yang kuat memandangkan nilai pekali korelasi hampir dengan satu, iaitu nilai maksimum bagi sesuatu pekali korelasi. Nilai korelasi seperti ini menunjukkan bahawa perkaitan atau perhubungan yang wujud antara kedua-dua pemboleh ubah tersebut adalah satu perhubungan yang positif seperti yang digambarkan dalam lakaran graf pada Rajah 1 yang berikut:



**Rajah 1: Korelasi positif pemboleh ubah kajian**

Dapatan analisis juga menunjukkan wujud perkaitan yang signifikan di antara pemboleh ubah kepimpinan pengajaran guru besar dengan keberkesanan pengajaran guru kerana nilai signifikannya ialah 0.001 iaitu, lebih kecil daripada aras signifikan yang ditetapkan iaitu  $0.01/2 = 0.005$  pada ujian korelasi dua arah (Mohd. Salleh & Zaidaton, 2001). Oleh yang demikian, hipotesis alternatif kajian ( $H_{A7}$ ) iaitu terdapat perhubungan yang signifikan di antara kepimpinan pengajaran guru besar dengan keberkesanan pengajaran guru adalah diterima.

## **Kesimpulan**

Dalam kajian ini, penyelidik mendapati bahawa kepimpinan pengajaran dan keberkesanan pengajaran mempunyai korelasi yang sangat kuat dan bentuk korelasi tersebut adalah positif. Dapatan ini menandakan jika guru besar menjalankan kepimpinan dengan berkesan, maka guru-guru akan melaksanakan pengajaran yang sempurna. Selain itu, kajian ini mendapati guru besar di sekolah-sekolah kajian melakukan kepimpinan pengajaran kadang-kadang ataupun sederhana sahaja. Oleh yang demikian, penyelidik menganggap kajian ini sebagai sangat penting untuk diteroka oleh pegawai pelajaran daerah, guru besar atau pengetua sekolah-sekolah dan guru-guru atau oleh individu tertentu untuk menambahbaikkan kepimpinan pengajarannya. Hal ini kerana penyelidik telah memperuntukkan waktu yang banyak,

berkorban wang ringgit dan masa untuk memastikan kajian ini mencapai objektifnya. Penyelidik juga telah menentukan kajian ini menjadi rujukan utama kepimpinan pendidikan di daerah ini selepas membuat tinjauan literatur yang meluas berkaitan kajian-kajian kepimpinan pengajaran di dalam negara dan di luar negara. Oleh yang demikian, kajian ini dapat dijadikan rujukan dan panduan kepada mereka sebagai agen perubahan yang dinamik. Jadi, penyelidik berharap hasil kajian ini akan dapat dibentangkan di daerah Semporna dalam seminar, bengkel, persidangan atau mesyuarat pendidikan peringkat daerah dan sekolah. Hal ini juga menepati kata-kata hikmat, 'One of the most valuable things any man can be learn is the art of using the knowledge and experience of others' iaitu salah satu perkara paling berharga yang patut dipelajari oleh setiap manusia yakni kemahiran menggunakan pengetahuan dan pengalaman orang lain. Perkara tersebut telah pun diaplikasikan oleh penyelidik dalam menghasilkan kajian ini. Walau bagaimanapun, perlu diingat juga bahawa sebarang perubahan tidak akan berlaku di sekolah sekiranya faktor-faktor seperti konteks sekolah, penglibatan guru dalam membuat keputusan, galakan untuk berfikir, *self awareness* dan *a school wide focus* tidak diambil kira. Sehubungan itu, penyelidik pada masa akan datang boleh juga menjadikan faktor-faktor tersebut sebagai pemboleh ubah kajian-kajian berkaitan kepimpinan di sekolah.

## Bibliografi

- Ayob Jantan. 2004. *Pengetua Sekolah yang Efektif: Siri Pengurusan dan Kepimpinan Sekolah*. Pahang: PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.
- Fadzilah Mohd Noor. 1990. *Pengajaran*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mohd Majid Konting. 1993. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Najib Gaffar. 2000. *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai, Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Salleh Abu & Zaidaton Tasir. 2001. *Analisis Data Berkomputer SPSS 12.0 for Windows*. Kuala Lumpur: Venton Publishing.
- Mohd Shaffie Abu Bakar. 1987. *Metodologi Penyelidikan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ramaiah, A.L. 1999. *Kepimpinan Pendidikan: Cabaran Masa Kini*. Selangor: IBS Buku Sdn. Bhd.
- Robiah Sidin. 1989. *Asas Pentadbiran Pendidikan*. Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Pustaka Aman.
- Sidek Mohd. Noah. 2002. *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Skudai, Johor: Penerbit UTM.

LAMPIRANA

Jadual 4: Persepsi guru terhadap keberkesanan pengajaran mereka

| Item | N   | Minimum | Maksimum | Min  | Sisihan Piawai |
|------|-----|---------|----------|------|----------------|
| c31  | 156 | 1       | 4        | 2.97 | .686           |
| c32  | 156 | 1       | 4        | 2.98 | .667           |
| c33  | 156 | 1       | 4        | 3.12 | .626           |
| c34  | 156 | 1       | 4        | 2.83 | .717           |
| c35  | 156 | 1       | 4        | 2.97 | .704           |
| c36  | 156 | 1       | 4        | 3.10 | .674           |
| c37  | 156 | 1       | 4        | 2.95 | .734           |
| c38  | 156 | 1       | 4        | 3.18 | .617           |
| c39  | 156 | 1       | 4        | 2.97 | .666           |
| c40  | 156 | 1       | 4        | 3.10 | .640           |
| c41  | 156 | 1       | 4        | 3.10 | .683           |
| c42  | 156 | 1       | 4        | 2.86 | .676           |
| c43  | 156 | 1       | 4        | 3.13 | .692           |
| c44  | 156 | 1       | 4        | 3.06 | .629           |
| c45  | 156 | 1       | 4        | 2.89 | .678           |
| c46  | 156 | 1       | 4        | 3.02 | .647           |
| c47  | 156 | 1       | 4        | 3.04 | .631           |
| c48  | 156 | 1       | 4        | 3.29 | .674           |
| c49  | 156 | 1       | 4        | 2.27 | .925           |
| c50  | 156 | 1       | 4        | 3.19 | .680           |
| c51  | 156 | 1       | 4        | 3.06 | .716           |
| c52  | 156 | 1       | 4        | 2.79 | .709           |
| c53  | 156 | 1       | 4        | 3.04 | .600           |
| c54  | 156 | 1       | 4        | 3.15 | .644           |
| c55  | 156 | 1       | 4        | 2.37 | .829           |
| c56  | 156 | 1       | 4        | 3.26 | .654           |
| c57  | 156 | 1       | 4        | 2.98 | .637           |
| c58  | 156 | 1       | 4        | 3.03 | .657           |
| c59  | 156 | 1       | 4        | 3.07 | .613           |
| c60  | 156 | 1       | 4        | 3.08 | .668           |
| c61  | 156 | 1       | 4        | 3.22 | .586           |
| c62  | 156 | 1       | 4        | 3.17 | .644           |
| c63  | 156 | 1       | 4        | 3.31 | .649           |
| c64  | 156 | 1       | 4        | 3.03 | .709           |
| c65  | 156 | 1       | 4        | 3.15 | .738           |
| c66  | 156 | 1       | 4        | 2.74 | .780           |
| c67  | 156 | 1       | 4        | 3.22 | .628           |
| c68  | 156 | 1       | 4        | 3.25 | .649           |



LAMPIRAN B

**Jadual 7: Analisis perbezaan kepimpinan pengajaran guru besar dalam aspek pemupukan iklim pengajaran dan pembelajaran kondusif di sekolah**

|     | Item           | Sum of Squares | df  | Mean Square | F     | Sig. |
|-----|----------------|----------------|-----|-------------|-------|------|
| b18 | Between Groups | .336           | 1   | .336        | .547  | .461 |
|     | Within Groups  | 94.658         | 154 | .615        |       |      |
|     | Total          | 94.994         | 155 |             |       |      |
| b19 | Between Groups | 1.984          | 1   | 1.984       | 2.903 | .090 |
|     | Within Groups  | 105.246        | 154 | .683        |       |      |
|     | Total          | 107.231        | 155 |             |       |      |
| b20 | Between Groups | .230           | 1   | .230        | .353  | .553 |
|     | Within Groups  | 100.456        | 154 | .652        |       |      |
|     | Total          | 100.686        | 155 |             |       |      |
| b21 | Between Groups | .000           | 1   | .000        | .000  | .994 |
|     | Within Groups  | 112.019        | 154 | .727        |       |      |
|     | Total          | 112.019        | 155 |             |       |      |
| b22 | Between Groups | .086           | 1   | .086        | .114  | .737 |
|     | Within Groups  | 116.395        | 154 | .756        |       |      |
|     | Total          | 116.481        | 155 |             |       |      |
| b23 | Between Groups | .011           | 1   | .011        | .016  | .900 |
|     | Within Groups  | 110.213        | 154 | .716        |       |      |
|     | Total          | 110.224        | 155 |             |       |      |
| b24 | Between Groups | .169           | 1   | .169        | .230  | .632 |
|     | Within Groups  | 113.267        | 154 | .735        |       |      |
|     | Total          | 113.436        | 155 |             |       |      |
| b25 | Between Groups | .294           | 1   | .294        | .453  | .502 |
|     | Within Groups  | 99.930         | 154 | .649        |       |      |
|     | Total          | 100.224        | 155 |             |       |      |
| b26 | Between Groups | .196           | 1   | .196        | .277  | .599 |
|     | Within Groups  | 108.746        | 154 | .706        |       |      |
|     | Total          | 108.942        | 155 |             |       |      |
| b27 | Between Groups | .062           | 1   | .062        | .088  | .768 |
|     | Within Groups  | 109.374        | 154 | .710        |       |      |
|     | Total          | 109.436        | 155 |             |       |      |
| b28 | Between Groups | .010           | 1   | .010        | .013  | .908 |
|     | Within Groups  | 113.913        | 154 | .740        |       |      |
|     | Total          | 113.923        | 155 |             |       |      |
| b29 | Between Groups | .072           | 1   | .072        | .121  | .729 |
|     | Within Groups  | 91.486         | 154 | .594        |       |      |
|     | Total          | 91.558         | 155 |             |       |      |
| b30 | Between Groups | .145           | 1   | .145        | .265  | .608 |
|     | Within Groups  | 84.080         | 154 | .546        |       |      |
|     | Total          | 84.224         | 155 |             |       |      |

LAMPIRAN C

Jadual 8: Analisis perbezaan persepsi keberkesanan pengajaran guru

|     | Item           | Sum of Squares | df  | Mean Square | F     | Sig. |
|-----|----------------|----------------|-----|-------------|-------|------|
| c31 | Between Groups | .445           | 1   | .445        | .946  | .332 |
|     | Within Groups  | 72.395         | 154 | .470        |       |      |
|     | Total          | 72.840         | 155 |             |       |      |
| c32 | Between Groups | .479           | 1   | .479        | 1.077 | .301 |
|     | Within Groups  | 68.464         | 154 | .445        |       |      |
|     | Total          | 68.942         | 155 |             |       |      |
| c33 | Between Groups | .230           | 1   | .230        | .587  | .445 |
|     | Within Groups  | 60.456         | 154 | .393        |       |      |
|     | Total          | 60.686         | 155 |             |       |      |
| c34 | Between Groups | .945           | 1   | .945        | 1.850 | .176 |
|     | Within Groups  | 78.721         | 154 | .511        |       |      |
|     | Total          | 79.667         | 155 |             |       |      |
| c35 | Between Groups | .033           | 1   | .033        | .066  | .798 |
|     | Within Groups  | 76.807         | 154 | .499        |       |      |
|     | Total          | 76.840         | 155 |             |       |      |
| c36 | Between Groups | .274           | 1   | .274        | .602  | .439 |
|     | Within Groups  | 70.085         | 154 | .455        |       |      |
|     | Total          | 70.359         | 155 |             |       |      |
| c37 | Between Groups | 1.071          | 1   | 1.071       | 1.998 | .160 |
|     | Within Groups  | 82.519         | 154 | .536        |       |      |
|     | Total          | 83.590         | 155 |             |       |      |
| c38 | Between Groups | .698           | 1   | .698        | 1.843 | .177 |
|     | Within Groups  | 58.277         | 154 | .378        |       |      |
|     | Total          | 58.974         | 155 |             |       |      |
| c39 | Between Groups | .000           | 1   | .000        | .001  | .978 |
|     | Within Groups  | 68.839         | 154 | .447        |       |      |
|     | Total          | 68.840         | 155 |             |       |      |
| c40 | Between Groups | .351           | 1   | .351        | .854  | .357 |
|     | Within Groups  | 63.207         | 154 | .410        |       |      |
|     | Total          | 63.558         | 155 |             |       |      |
| c41 | Between Groups | .040           | 1   | .040        | .085  | .771 |
|     | Within Groups  | 72.319         | 154 | .470        |       |      |
|     | Total          | 72.359         | 155 |             |       |      |
| c42 | Between Groups | .851           | 1   | .851        | 1.871 | .173 |
|     | Within Groups  | 70.046         | 154 | .455        |       |      |
|     | Total          | 70.897         | 155 |             |       |      |
| c43 | Between Groups | .000           | 1   | .000        | .001  | .979 |
|     | Within Groups  | 74.173         | 154 | .482        |       |      |
|     | Total          | 74.173         | 155 |             |       |      |
| c44 | Between Groups | .082           | 1   | .082        | .207  | .650 |
|     | Within Groups  | 61.277         | 154 | .398        |       |      |
|     | Total          | 61.359         | 155 |             |       |      |

|     |                |         |     |       |       |      |
|-----|----------------|---------|-----|-------|-------|------|
| c45 | Between Groups | 1.217   | 1   | 1.217 | 2.680 | .104 |
|     | Within Groups  | 69.930  | 154 | .454  |       |      |
|     | Total          | 71.147  | 155 |       |       |      |
| c46 | Between Groups | .729    | 1   | .729  | 1.749 | .188 |
|     | Within Groups  | 64.213  | 154 | .417  |       |      |
|     | Total          | 64.942  | 155 |       |       |      |
| c47 | Between Groups | .329    | 1   | .329  | .824  | .365 |
|     | Within Groups  | 61.440  | 154 | .399  |       |      |
|     | Total          | 61.769  | 155 |       |       |      |
| c48 | Between Groups | .008    | 1   | .008  | .017  | .897 |
|     | Within Groups  | 70.428  | 154 | .457  |       |      |
|     | Total          | 70.436  | 155 |       |       |      |
| c49 | Between Groups | 2.506   | 1   | 2.506 | 2.965 | .087 |
|     | Within Groups  | 130.186 | 154 | .845  |       |      |
|     | Total          | 132.692 | 155 |       |       |      |
| c50 | Between Groups | .014    | 1   | .014  | .030  | .862 |
|     | Within Groups  | 71.595  | 154 | .465  |       |      |
|     | Total          | 71.609  | 155 |       |       |      |
| c51 | Between Groups | 2.238   | 1   | 2.238 | 4.468 | .036 |
|     | Within Groups  | 77.121  | 154 | .501  |       |      |
|     | Total          | 79.359  | 155 |       |       |      |
| c52 | Between Groups | .412    | 1   | .412  | .818  | .367 |
|     | Within Groups  | 77.607  | 154 | .504  |       |      |
|     | Total          | 78.019  | 155 |       |       |      |
| c53 | Between Groups | .159    | 1   | .159  | .441  | .508 |
|     | Within Groups  | 55.610  | 154 | .361  |       |      |
|     | Total          | 55.769  | 155 |       |       |      |
| c54 | Between Groups | .213    | 1   | .213  | .511  | .476 |
|     | Within Groups  | 64.095  | 154 | .416  |       |      |
|     | Total          | 64.308  | 155 |       |       |      |
| c55 | Between Groups | 2.917   | 1   | 2.917 | 4.339 | .039 |
|     | Within Groups  | 103.519 | 154 | .672  |       |      |
|     | Total          | 106.436 | 155 |       |       |      |
| c56 | Between Groups | .003    | 1   | .003  | .007  | .932 |
|     | Within Groups  | 66.221  | 154 | .430  |       |      |
|     | Total          | 66.224  | 155 |       |       |      |
| c57 | Between Groups | 1.190   | 1   | 1.190 | 2.967 | .087 |
|     | Within Groups  | 61.753  | 154 | .401  |       |      |
|     | Total          | 62.942  | 155 |       |       |      |
| c58 | Between Groups | .255    | 1   | .255  | .590  | .444 |
|     | Within Groups  | 66.585  | 154 | .432  |       |      |
|     | Total          | 66.840  | 155 |       |       |      |
| c59 | Between Groups | .294    | 1   | .294  | .782  | .378 |
|     | Within Groups  | 57.930  | 154 | .376  |       |      |
|     | Total          | 58.224  | 155 |       |       |      |
| c60 | Between Groups | .030    | 1   | .030  | .068  | .795 |
|     | Within Groups  | 69.046  | 154 | .448  |       |      |
|     | Total          | 69.077  | 155 |       |       |      |

LAMPIRAND

**Jadual 9: Analisis korelasi kepimpinan pengajaran guru besar dengan keberkesanan pengajaran guru**

|     |                |        |     |       |       |      |
|-----|----------------|--------|-----|-------|-------|------|
| c61 | Between Groups | .017   | 1   | .017  | .050  | .824 |
|     | Within Groups  | 53.130 | 154 | .345  |       |      |
|     | Total          | 53.147 | 155 |       |       |      |
| c62 | Between Groups | .053   | 1   | .053  | .127  | .722 |
|     | Within Groups  | 64.274 | 154 | .417  |       |      |
|     | Total          | 64.327 | 155 |       |       |      |
| c63 | Between Groups | .578   | 1   | .578  | 1.377 | .242 |
|     | Within Groups  | 64.653 | 154 | .420  |       |      |
|     | Total          | 65.231 | 155 |       |       |      |
| c64 | Between Groups | .190   | 1   | .190  | .377  | .540 |
|     | Within Groups  | 77.707 | 154 | .505  |       |      |
|     | Total          | 77.897 | 155 |       |       |      |
| c65 | Between Groups | .090   | 1   | .090  | .164  | .686 |
|     | Within Groups  | 84.218 | 154 | .547  |       |      |
|     | Total          | 84.308 | 155 |       |       |      |
| c66 | Between Groups | 4.205  | 1   | 4.205 | 7.194 | .008 |
|     | Within Groups  | 90.019 | 154 | .585  |       |      |
|     | Total          | 94.224 | 155 |       |       |      |
| c67 | Between Groups | .462   | 1   | .462  | 1.171 | .281 |
|     | Within Groups  | 60.686 | 154 | .394  |       |      |
|     | Total          | 61.147 | 155 |       |       |      |
| c68 | Between Groups | .007   | 1   | .007  | .015  | .901 |
|     | Within Groups  | 65.243 | 154 | .424  |       |      |
|     | Total          | 65.250 | 155 |       |       |      |

# HUBUNGAN JISIM BADAN, KECERGASAN FIZIKAL DAN PENCAPAIAN AKADEMIK DALAM KALANGAN PELAJAR ELEKTIF SAINS SUKAN

Tan Peng Jeng & Salleh Abd Rashid

## ABSTRAK

*Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan antara indeks jisim badan (IJB), kecergasan fizikal dan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar elektif Sains Sukan sekolah menengah di Kota Kinabalu, Sabah. Seramai 44 orang pelajar lelaki dan 47 orang pelajar perempuan dari tiga buah sekolah menengah yang menawarkan elektif subjek Sains Sukan terlibat dalam kajian ini. IJB ditentukan daripada ukuran ketinggian dan berat badan pelajar. Ujian Bleep digunakan untuk mengukur tahap kecergasan fizikal dan item-item ujian yang dibina khusus bagi subjek Sains Sukan digunakan bagi mengukur pencapaian akademik pelajar. Hasil kajian menunjukkan secara deskriptif pelajar memperoleh skor dalam julat sihat dan memperoleh pencapaian pada tahap lulus tetapi pelajar tidak mencapai julat cergas. Namun, hasil ujian menunjukkan tidak terdapat hubungan antara ketiga-tiga pemboleh ubah.*

**Kata Kunci:** *indeks jisim badan, kecergasan fizikal, pencapaian akademik dan Sains Sukan*

## Pengenalan

Di Malaysia, sebilangan besar penduduk tidak melibatkan diri dalam aktiviti fizikal untuk tujuan kesihatan. Kajian senaman yang dijalankan melalui tinjauan kesihatan dan mobiliti di seluruh negara pada tahun 1996 mendapati hanya 11.6 peratus rakyat yang aktif bersenam, iaitu bersenam sekurang-kurangnya tiga kali seminggu. Sementara itu, 69.1 peratus tidak mengamalkan senaman dan selebihnya mengamalkan senaman satu atau dua kali seminggu (Kementerian Kesihatan Malaysia, 1998). Kebanyakan kanak-kanak dan remaja didapati mengamalkan aktiviti sendiri seperti menonton televisyen atau bermain komputer.

## Latar Belakang Kajian

Kecergasan fizikal merupakan hasil yang diperoleh daripada cara hidup yang aktif. Secara umumnya, kecergasan fizikal boleh ditafsirkan sebagai keadaan tubuh badan

yang sihat dan cergas serta tidak berasa cepat letih. Menurut Franks dan Howley (1998), individu yang cergas akan mempunyai tahap fungsi kardiorespiratori dan kesedaran mental yang tinggi, perhubungan sosial yang bermakna tahap lemak yang rendah, kekuatan, kelenturan dan kesihatan tulang belakang. Hasil kajian Grissom (2005) menunjukkan bahawa pelajar yang mempunyai kecergasan fizikal yang baik memperoleh tahap pencapaian akademik yang lebih tinggi berbanding dengan pelajar yang mempunyai tahap kecergasan yang rendah. Situasi ini menunjukkan kecergasan fizikal merupakan antara faktor penting yang menentukan pencapaian akademik pelajar. Sehubungan itu, kecergasan fizikal melalui aktiviti fizikal dan amalan kecergasan amat penting untuk perkembangan kesihatan fizikal dan mental pelajar.

IJB merupakan satu pengukuran komposisi badan tidak langsung bagi menilai berat badan yang berlebihan dan risikonya yang disebabkan oleh tahap kandungan lemak dalam badan. IJB dikira dengan membahagikan berat (dalam kg) dengan ketinggian (dalam meter). Skor IJB dirujukkan dengan piawai *Fitnessgram* untuk mengelaskan berat badan sebagai sihat, kurang berat badan atau lebih berat badan ataupun obes.

Kementerian Pendidikan Malaysia telah memperkenalkan mata pelajaran Sains Sukan sebagai satu mata pelajaran elektif wajib untuk pelajar-pelajar Tingkatan Empat di sekolah-sekolah sukan pada Tahun 2000 (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2004). Selaras dengan penawaran kursus Sains Sukan di peringkat diploma dan ijazah, Sains Sukan mulai ditawarkan sebagai mata pelajaran elektif kepada pelajar Tingkatan Empat dan Tingkatan Lima di sekolah menengah biasa pada Tahun 2002 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002a).

Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (2002b), subjek Sains Sukan bertujuan melahirkan pelajar yang menguasai ilmu pengetahuan, kemahiran dan pengalaman asas sains sukan melalui amalan teori dan praktis dalam bidang sukan serta memupuk dan meningkatkan pengayaan nilai sebagai persediaan di bidang kerjaya. Dengan itu, mata pelajaran ini dapat membantu pelajar membina kesedaran terhadap kepentingan memelihara kesihatan dan kecergasan demi mencapai kesejahteraan diri.

### **Pernyataan Masalah**

Terdapat pelbagai masalah berkaitan kesihatan dan kecergasan pelajar yang berpunca daripada gaya hidup tidak aktif. Jika keadaan ini berterusan, sudah tentu masalah ini akan menjejaskan usaha ke arah mencapai matlamat pendidikan bagi melahirkan pelajar yang sihat dan cergas dari segi jasmani, mental, emosi dan rohani. Oleh itu, untuk mengenal pasti tahap kesihatan berat badan dan kecergasan seseorang, pengukuran dan penilaian perlu diadakan. Namun, pengukuran mahupun penilaian fizikal didapati begitu kurang sekali dilaksanakan khususnya dalam kalangan pelajar subjek Sains Sukan di sekolah. Oleh itu, pihak sekolah tidak dapat mengesan perkembangan semasa IJB dan kecergasan fizikal pelajar elektif Sains Sukan.

Tambahan pula, pelaksanaan subjek Sains Sukan di peringkat sekolah banyak dilaksanakan secara teori dan tidak melibatkan amali yang *rigorous*. Teori dan ilmu pengetahuan hanya berfaedah kepada pelajar jika diseimbangkan dengan praktis atau amalan menerusi latihan yang mencukupi dalam kelas amali. Hal ini sudah tentu memberikan cabaran yang perlu ditangani dalam usaha mencapai matlamat yang digariskan.

Pelajar elektif Sains Sukan seharusnya mempunyai berat badan yang sihat dan cergas di samping menguasai pengetahuan dan kemahiran dalam bidang sukan. Umumnya, pelajar elektif Sains Sukan adalah kumpulan pelajar yang giat terlibat dalam bidang kecergasan dan sukan. Oleh itu, maklumat tentang hubungan antara IJB, kecergasan dan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar elektif Sains Sukan dirasakan perlu dikenal pasti. Jadi, satu kajian perlu dibuat untuk menentukan hubungan antara IJB, kecergasan fizikal dan pencapaian akademik (kandungan dalam Sains Sukan) dalam kalangan pelajar elektif Sains Sukan.

### **Soalan Kajian**

Berdasarkan pernyataan masalah di atas, kajian ini bertujuan menjawab soalan-soalan yang berikut:

1. Adakah skor IJB dalam kalangan pelajar elektif Sains Sukan mencapai julat sihat?
2. Adakah tahap kecergasan fizikal dalam kalangan pelajar elektif Sains Sukan mencapai julat sihat?
3. Apakah tahap pencapaian akademik dalam kalangan pelajar elektif Sains Sukan?
4. Adakah terdapat hubungan antara IJB dan kecergasan fizikal dalam kalangan pelajar elektif Sains Sukan?
5. Adakah terdapat hubungan antara IJB dan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar elektif Sains Sukan?
6. Adakah terdapat hubungan antara kecergasan fizikal dan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar elektif Sains Sukan?

### **Objektif Kajian**

Objektif kajian ini ialah untuk:

1. Mengetahui pasti tahap IJB pelajar elektif Sains Sukan mengikut jantina.
2. Mengetahui pasti tahap kecergasan fizikal pelajar elektif Sains Sukan mengikut jantina.

3. Mengenal pasti tahap pencapaian akademik pelajar elektif Sains Sukan mengikut jantina.
4. Menentukan sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara indeks jisim badan dan kecergasan fizikal dalam kalangan pelajar lelaki dan pelajar perempuan elektif Sains Sukan.
5. Menentukan sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara indeks jisim badan dan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar lelaki dan pelajar perempuan elektif Sains Sukan.
6. Menentukan sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara kecergasan fizikal dan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar lelaki dan pelajar perempuan elektif Sains Sukan.

### Hipotesis Kajian

Untuk menentukan sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara pemboleh ubah-pemboleh ubah dalam kajian ini, maka hipotesis nol dibentuk seperti berikut:


- $H_{01}$  Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara indeks jisim badan dan kecergasan fizikal dalam kalangan pelajar lelaki elektif Sains Sukan.
- $H_{02}$  Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara indeks jisim badan dan kecergasan fizikal dalam kalangan pelajar perempuan elektif Sains Sukan.
- $H_{03}$  Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara indeks jisim badan dan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar lelaki elektif Sains Sukan.
- $H_{04}$  Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara indeks jisim badan dan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar perempuan elektif Sains Sukan.
- $H_{05}$  Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kecergasan fizikal dan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar lelaki elektif Sains Sukan.
- $H_{06}$  Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kecergasan fizikal dan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar perempuan elektif Sains Sukan.

Aras signifikan 0.05 ( $p < .05$ ) dipilih untuk menguji hipotesis nol ( $H_0$ ) dalam kajian ini. Paras 0.05 digunakan sebagai rujukan kerana nilai ini merupakan paras signifikan piawaian yang biasanya digunakan dalam kebanyakan penyelidikan sains sosial.



## **Kerangka Kajian**

Kajian ini mengandungi dua pemboleh ubah bersandar yang terdiri daripada tahap kecergasan fizikal dan pencapaian akademik serta dua pemboleh ubah tak bersandar, iaitu jantina dan IJB. IJB dikira berasaskan ukuran ketinggian dan berat badan. Ujian kecergasan yang melibatkan kecergasan aerobik digunakan untuk ditadbirkan kepada pelajar lelaki dan perempuan elektif Sains Sukan dari peringkat umur yang sama untuk mengetahui tahap kecergasan fizikal mereka. Ujian pencapaian Sains Sukan juga ditadbirkan kepada kumpulan pelajar yang sama untuk mengetahui tahap pencapaian akademik mereka. Kemudian, IJB, tahap kecergasan fizikal dan pencapaian akademik pelajar ditinjau untuk menentukan sama ada wujud hubungan yang signifikan. Hubungan variabel terhadap pencapaian akademik diandaikan signifikan secara tidak langsung (co-varian).



**Rajah 1: Kerangka kajian**

## **Reka Bentuk Kajian**

Reka bentuk kajian yang dijalankan adalah deskriptif tinjauan. Ujian korelasi digunakan untuk menentukan hubungan antara pemboleh ubah kajian. Korelasi hanya digunakan untuk menentukan kewujudan hubungan dan kekuatan hubungan antara pemboleh ubah-pemboleh ubah dan tidak bertujuan untuk menentukan hubungan sebab musabab antara pemboleh ubah. Kajian ini melibatkan pengumpulan data kajian melalui pengukuran antropometri, ujian kecergasan dan ujian pencapaian untuk mendapatkan data kajian.

## **Populasi dan Pensampelan**

Populasi kajian ini merupakan pelajar Tingkatan Empat Sains Sukan di daerah Kota Kinabalu. Berdasarkan rekod statistik pendidikan pada 31 Mac 2006 dari Unit Data, Pejabat Pelajaran Gabungan, Kota Kinabalu, bilangan sekolah menengah di daerah Kota Kinabalu adalah 22 buah. Daripada jumlah ini, terdapat 10 buah sekolah yang menawarkan mata pelajaran elektif Sains Sukan. Taburan pelajar elektif Sains Sukan

di setiap sekolah menengah ini ditunjukkan dalam Jadual 1. Berdasarkan statistik tersebut, jumlah pelajar elektif Sains Sukan yang digunakan sebagai populasi sasaran kajian ini adalah seramai 372 orang. Pemilihan sampel kajian dibuat berasaskan pensampelan kelompok. Melalui prosedur ini, saiz sampel seramai 63 orang lelaki dan 66 orang perempuan telah dipilih untuk kajian ini.

**Jadual 1: Sampel kajian**

| Bil    | Nama Sekolah              | Bilangan Pelajar |     |        |
|--------|---------------------------|------------------|-----|--------|
|        |                           | L                | P   | Jumlah |
| 01     | SM All Saints (M)         | 29               | 27  | 56     |
| 02     | SM La Salle (M)           | 6                | 0   | 6      |
| 03     | SM Maktab Sabah           | 15               | 24  | 39     |
| 04     | SM St Francis Convent (M) | 0                | 24  | 24     |
| 05     | SMK Bandaraya             | 21               | 29  | 50     |
| 06     | SMK Inanam                | 10               | 2   | 12     |
| 07     | SMK Kolombong             | 32               | 35  | 67     |
| 08     | SMK Likas                 | 16               | 4   | 20     |
| 09     | SMK Lok Yuk Likas (CF)    | 32               | 24  | 56     |
| 10     | SMK Sanzac                | 28               | 14  | 42     |
| Jumlah |                           | 189              | 183 | 372    |

Sumber: Statistik Pendidikan 2006, Unit Data, Pejabat Pelajaran Gabungan, Kota Kinabalu, Sabah.

## Instrumen Kajian

Tiga instrumen utama digunakan untuk mengumpul data bagi kajian ini. Pengkaji menggunakan ujian kecergasan yang dikenali sebagai Ujian *Bleep* (*Bleep Test*) untuk mengumpul data kecergasan aerobik sampel kajian manakala Ujian Sains Sukan digunakan untuk mengumpul data pencapaian akademik sampel kajian. Di samping itu, kajian ini juga menggunakan pengukuran antropometri untuk mengumpul data ketinggian dan berat badan sampel kajian bagi tujuan pengiraan IJB (Lampiran II).

Ujian Sains Sukan mengandungi 25 soalan objektif yang menguji aras pengetahuan, kefahaman dan aplikasi dalam tajuk Tunjang Satu Sains Sukan Tingkatan Empat. Item ujian ini digubal oleh pengkaji berpandukan Contoh Kertas Soalan Pengetahuan Sains Sukan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2000), format penaksiran mata pelajaran Sains Sukan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Huraian Sukatan Pelajaran Sains Sukan (2002). Kesahan kandungan ujian telah disemak dan disahkan oleh tiga orang pakar dalam bidang Sains Sukan.

Pengukuran berat badan sampel kajian dibuat menggunakan alat penimbang spring HANSON (England) dalam unit kilogram. Ketinggian badan sampel kajian diukur menggunakan pita pengukur dalam unit sentimeter. Ukuran berat badan dan ketinggian badan sampel kajian diambil untuk mengira IJB melalui formula berikut:

**Jadual 2: Pengiraan IJB**

|                           |                                                             |
|---------------------------|-------------------------------------------------------------|
| Indeks Jisim Badan (IJB)= | $\frac{\text{Berat Badan (kg)}}{[\text{Ketinggian (m)}]^2}$ |
|---------------------------|-------------------------------------------------------------|

### Analisis Data

Semua data sah yang dikumpul dikodkan dan diproses menggunakan kedua-dua kaedah statistik deskriptif dan statistik inferens. Statistik deskriptif seperti min, sisihan piawai, frekuensi, peratusan dan julat digunakan untuk memerihalkan dapatan kajian ini. Interpretasi skor bagi IJB, tahap kecergasan dan tahap pencapaian akademik dibuat berdasarkan kepada jadual berikut :

**Jadual 3: Julat sihat mengikut piawai rujukau kriteria *Fitnessgram***

| Pemboleh ubah            | Lelaki      | Perempuan   |
|--------------------------|-------------|-------------|
| Indeks Jisim Badan (IJM) | 16.6 – 26.5 | 16.4 – 25.0 |
| Ujian <i>Bleep</i>       | 61 - 94     | 32 - 61     |

Julat sihat dalam Jadual 3 mewakili tahap minimum kecergasan dengan kesihatan yang sesuai dan pengurangan risiko penyakit. Subjek yang mencapai julat tersebut dikategorikan sebagai sihat. Dalam kajian ini, skor IJB dan kecergasan fizikal dikategorikan berpandukan Jadual 3 tetapi diperincikan kepada tiga tahap seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4 dan Jadual 5.

**Jadual 4: Klasifikasi tahap IJB**

| Tahap                   | Lelaki      | Perempuan   |
|-------------------------|-------------|-------------|
| Lebih berat badan/ obes | >26.5       | > 25.0      |
| Sihat                   | 16.6 – 26.5 | 16.4 – 25.0 |
| kurang berat badan      | <16.6       | < 16.4      |

**Jadual 5: Klasifikasi tahap kecergasan fizikal**

| Tahap        | Lelaki  | Perempuan |
|--------------|---------|-----------|
| Sangat sihat | > 94    | > 61      |
| Sihat        | 61 – 94 | 32 – 61   |
| Kurang sihat | < 61    | < 32      |

**Jadual 6: Klasifikasi tahap pencapaian akademik**

| Tahap     | Skor         |
|-----------|--------------|
| Cemerlang | > 19         |
| Kepujian  | 15 hingga 19 |
| Lulus     | 10 hingga 14 |
| Gagal     | < 10         |

